

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 175 ● 29 JULAI - 4 OGOS 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku


WK TV



Rekreasi berkuda di Putrajaya >> 9, 10 & 11



*MyGrocer@Wilayah manfaatkan
19,000 penduduk Labuan* >> 4



**Wanita
Malaysia
terus
diperdaya
Love Scam**
>> 16



**Lubuk cenderamata di
pulau bebas cukai** >> 21

13 laluan kontra penyelesaian segera kesesakan ibu kota

INFO 13 lokasi kesesakan

Antara jalan-jalan utama hotspot kesesakan jalan raya di bandar raya Kuala Lumpur.

1. Jalan Kuching
2. Jalan Cheras
3. Jalan Tun Razak
4. Jalan Istana
5. Jalan Maharajalela
6. Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta)
7. Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
8. Jalan Yew
9. Jalan Loke Yew
10. Jalan Bangsar
11. Jalan Kinabalu
12. Jalan Ampang
13. Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban (Sungai Besi)

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan menambah perlaksanaan laluan kontra atau *tidal flow* di beberapa jalan utama bagi menangani masalah kesesakan

trafik terutama ketika waktu puncak.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata lokasi yang telah dikenal pasti adalah di Lebuhraya

Kuala Lumpur-Seremban, Jalan Istana, Jalan Cheras dan Bulatan Pahang.

“Kita akan lihat lebih terperinci berkenaan pelaksanaan *tidal flow* di laluan Lebuhraya Seremban-

Kuala Lumpur bagi membantu penyuraian trafik keluar dan masuk dari pusat bandar ketika waktu puncak.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

DBKL naik taraf semua jalan rosak

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

TIDAL flow sedia ada di Jalan Cheras akan dipanjangkan daripada empat kepada lapan kilometer sehingga Jalan Maharajalela,” katanya dalam sidang media pada Isnin.

Pengerusi Task Force Kesesakan Lalu Lintas Kuala Lumpur itu berkata, inisiatif tersebut merupakan rancangan jangka sederhana yang diambil jawatankuasa tersebut bagi menangani masalah kesesakan di Kuala Lumpur yang sebelum ini mendapat keluhan pengguna jalan raya.

Beliau turut mengumumkan penambahan lorong di Lingkaran Jalan Tengah 2 (MRR2) berhampiran Bandar Tasik Selatan berkuat kuasa serta-merta bagi menyuraikan trafik di kawasan berkenaan.

“Sekarang ini terdapat dua lorong susulan dan kerja pembinaan yang sedang dijalankan, jadi kami memutuskan untuk menjadikannya tiga lorong serta menaik taraf semua laluan yang rosak dan berlubang. Tindakan serta-merta akan diambil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi berkaitan. Saya sendi-



JALALUDDIN (dua dari kanan) ketika mempengerusikan mesyuarat kedua Task Force Kesesakan Lalu Lintas Kuala Lumpur di ibu negara pada Isnin.

ri akan turun bersama Datuk Bandar untuk lihat perkara ini,” katanya.

Jalaluddin berkata, langkah yang diambil untuk melarang kemasukan kenderaan berat ke pusat bandar yang dilaksanakan pada Jun lalu telah berjaya mengurangkan kesesakan lalu lintas.

“Bagaimanapun, terdapat sebilangan pemandu kenderaan berat yang masih ingkar selepas ia dilaksanakan pada Jun lalu dan

hukuman yang lebih tinggi perlu dikenakan kepada pesalah ini.

“Kami sedang melihat untuk meningkatkan denda kepada mereka yang melakukan kesalahan itu dan mesyuarat juga memutuskan untuk melipatgandakan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan peraturan sedia ada dipatuhi,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya turut mendapati kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan juga

turut menyumbang kepada masalah kesesakan dan DBKL akan melakukan pembaikan serta merta dan kos itu akan dicaj kepada kontraktor yang terlibat.

Menurutnya, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pemegang konesi tol juga sedang mengkaji untuk menambah baik sistem pungutan mereka, tidak lagi tertumpu kepada laluan tertentu.

“Ia tidak tertumpu kepada kaedah tertentu saja, tetapi mereka boleh mempelbagaikan dan memudahkan supaya laluan trafik yang melalui dapat dipercepatkan dari apa yang kita ada sekarang.”

Pada 6 Julai, 20 lagi notis dikeluarkan kepada pesalah dalam operasi bersama antara Jabatan Siasatan dan Pengauam Trafik (JSPT) PDRM, Jabatan

Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan DBKL.

Sementara itu, DBKL telah mengenal pasti 13 lokasi jalan-jalan utama hotspot kesesakan jalan raya di bandar raya Kuala Lumpur dan telah merangka cadangan bagi menyelesaikan masalah yang membelenggu pengguna jalan raya selama ini. **WK**

DBKL PERLUAS LALUAN KONTRA ATASI KESESAKAN TRAFIK

- Alokasi jalan yang dilulusi pasti adalah Lebuhraya Serendah-Kuala Lumpur, Jalan Cheras, Jalan Iring serta kawasan Bulatan Polis.
- Jalan-jalan ini cenderung penyelerakan jangka sederhana yang dilakukan dalam jangka masa singkat bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di ibu kota.
- DBKL juga telah mengenal pasti 13 lokasi jalan utamaistik pionier (hotspot) kesesakan di ibu negara antaranya Jalan Kundang, Jalan Yew, Jalan Ampang atau Jalan Teri Besar.
- Penambahbaikan jaringan di Jalan Lingkaran Tengah 2 Kuala Lumpur (MRR2) berharapkan kawasan Bandar Tun Razak berada di kawasan metropolitan.
- Jelajah Siasatan dan Pengauam Trafik Kuala Lumpur telah mengeluarkan di 1,777 nota peringkap kesesakan sepanjang enam bulan pertama tahun ini.



Dua laluan baharu bas percuma GoKL akan ditambah setiap tahun

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) perlu memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan mewujudkan dua laluan baharu bagi perkhidmatan bas percuma GoKL setiap tahun.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata ketika ini perkhidmatan bas percuma GoKL telah beroperasi di 11 laluan di Kuala Lumpur iaitu empat laluan Last Mile dan tujuh laluan First Mile.

“Kekerapan bas adalah dari 5 minit hingga 8 minit di waktu puncak dan 15 minit hingga 30 minit di luar waktu puncak dengan melibatkan 60 buah bas beroperasi iaitu 33 buah bas Electric Vehicle (EV) dan 27 buah bas diesel,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Fahmi Fadil (PH-Lembah Pantai) di Dewan Rakyat pada Rabu.

Menurutnya, pertambahan itu dijangka akan mula dilaksanakan pada awal Januari 2023 dan dijangkakan penambahan kira-kira 10 buah bas GoKL diperlukan menjadikan jumlah bas yang beroperasi sebanyak 70 buah untuk tahun hadapan.

Inisiatif itu dilaksanakan melalui kerjasama kolektif dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Kementerian Pengangkutan dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).

“Penggunaan bas EV pula dijangka dapat beroperasi sepenuhnya



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan penggunaan bas Elektrik Vehicle (EV) dapat beroperasi sepenuhnya menjelang awal tahun 2023.

menjelang awal tahun 2023,” katanya sambil menambah jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas percuma itu dicatatkan seramai 3.1 juta orang dari bulan Januari 2022 sehingga Mei 2022.

Dalam masa yang sama, Jalaluddin berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menaik taraf lorong-lorong bas sedia ada di jalan-jalan utama seperti Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut dan Jalan Dang Wangi.

“Kerja-kerja menaik taraf lorong bas ini juga akan turut diperluaskan ke jalan-jalan utama yang lain

di sekitar ibu kota. Kerja-kerja seperti mengecat semula lorong bas dan memasang papan tanda sedang dilaksanakan oleh kontraktor dan dijangka siap pada pertengahan bulan Ogos 2022,” katanya.

Ujarnya, DBKL kini sedang bekerjasama dengan Prasarana dalam menjalankan kajian mengenai tahap keberkesanan penggunaan lorong bas sedia ada secara maksima dari segi tempoh masa perjalanan bas untuk tiba ke destinasi.

“Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memastikan tempoh masa ketibaan sesebuah bas dapat dicapai mengikut jadual yang ditetapkan,” katanya. **WK**

PPK
PERTANDINGAN
PERPUSTAKAAN KELUARGA
2022

KATEGORI <ul style="list-style-type: none"> • Banglo • Rumah Semi-D / Teres • Pangsapuri (Apartment) 	HADIAH PERTANDINGAN (SETIAP KATEGORI) <ul style="list-style-type: none"> ► JUARAH RM2000 DAN SULIR PENYERTAAN ► NAIB JUARAH RM1500 DAN SULIR PENYERTAAN ► KETUAH RM1000 DAN SULIR PENYERTAAN ► KE 4 DAN KE 5 RM500 DAN SULIR PENYERTAAN 	KRITERIA <ul style="list-style-type: none"> ► Nama Perpustakaan Keluarga ► Kekemasan ► Penggunaan ► Idea dan Kreativiti ► Peserta perlu menghantar dua (2) gambar Perpustakaan Keluarga melalui capaian QR Code yang disediakan
--	--	---

Sila scan QR Code untuk syarat penyertaan dan pendaftaran atas, sila bayar!
<http://tiny.cc/perpustakaankeluarga2022>

TARIKH AKHIR PENYERTAAN
23HB OGOS 2022

03-98877667 / 7673 / 7671 / 7681 | [Facebook](https://www.facebook.com/perpustakaankeluargamalaysia) | [Website](http://www.apd.apb.my)

YWP, Parlimen Setiawangsa jalin kerjasama santuni B40

YWP laksana peranan sebaiknya - Izudin

DIANA AMIR

SELARAS dengan tujuan penubuhannya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memainkan peranan yang terbaik dalam membantu warga kota memerlukan melalui teras lima kluster iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Datuk Seri Izudin Ishak**, YWP sentiasa mencari kaedah serta mewujudkan program untuk membantu golongan yang memerlukan di sekitar ibu kota terutama di Parlimen Setiawangsa.

"Sebenarnya YWP amat sinonim dengan warga Setiawangsa dan juga Wilayah Persekutuan di mana sumbangan dari pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di setiap parlimen banyak diagih melalui YWP terus kepada masyarakat setempat.

"Jasa mereka amat besar di mana saya rasa matlamat yang diarahkan

oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim agar YWP menjadi agen kepada KWP dalam menyalurkan bantuan sangat berjaya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja YWP dan diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 Parlimen Setiawangsa yang diadakan di Dewan Serbaguna Air Panas, pada Ahad.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Setiawangsa berkata Program Bantuan Persekutuan itu merupakan antara kerjasama dijalankan bersama pihak YWP bagi menyantuni golongan berpendapatan rendah (B40) serta meringankan beban ibu bapa dalam membaiayai perbelanjaan sekolah anak-anak terutama di pertengahan sesi persekolahan.

"Secara keseluruhan program berjalan lancar di mana kita



IZUDIN (dua kanan) menyampaikan bantuan persekolahan berbentuk satu unit bag dan wang tunai RM100 kepada setiap pelajar B40 di Parlimen Setiawangsa, baru-baru ini.

berkesempatan menyantuni masyarakat Setiawangsa yang memerlukan dan bantuan diberikan kepada 500 pelajar berbentuk sebuah beg sekolah serta wang tunai RM100 kepada setiap pelajar. "Dari segi usia pelajar, kita tak

ambil kira asalkan mereka penduduk setempat dan dapat saya lihat harini ada Cina dan juga India turut menerima bantuan ini," ujarnya yang mencadangkan agar program menyantuni rakyat seperti ini dapat disusun dengan lebih

banyak pada masa akan datang," katanya.

Tambahnya, selain program bantuan dan turun padang, terdapat beberapa program lain yang telah diaturkan oleh pihak YWP termasuklah akan mengadakan kenduri rakyat yang dijadualkan berlangsung pada Ogos dianjurkan bersama KWP.

Dalam pada itu, Izudin mengharapkan kerjasama lebih luas di antara Parlimen Setiawangsa dan YWP dengan memberi fokus secara menyeluruh kepada golongan lain dalam membantu warga setempat yang memerlukan.

"Untuk peringkat seterusnya, diharapkan bantuan secara holistik dan menyeluruh dapat diberikan kepada golongan warga emas kerana saya pasti mereka lebih memerlukan perhatian serta bantuan dari segi tongkat, kerusi roda dan banyak lagi," katanya sambil menambah pihaknya akan memastikan tiada golongan yang tercicir menerima sumbangan. **WK**

Peruntukan tambahan mampu perluas usaha kebajikan

HAZIRAH HALIM

TIDAK mahu warga kota tercicir daripada menerima apa juar bantuan, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP) Zon Cheras, **Datuk Mahadi Abdul Shukor** mengharapkan agar Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menambah peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan program seperti ini pada masa hadapan.

Katanya, peruntukan tersebut dapat membantu memperluaskan lagi usaha kebajikan setiap parlimen di Wilayah Persekutuan dalam pemberian bantuan dengan melibatkan kerjasama daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Saya melihat inisiatif yang dilaksanakan seperti ini wajar diteruskan dan diperluaskan dengan pelbagai program lain untuk membantu masyarakat khususnya mereka yang berada dalam golongan berpendapatan rendah (B40).

"Peranan YWP juga sangat penting di peringkat Parlimen Cheras kerana peruntukan dan segala bentuk bantuan yang disalurkan kepada penerima adalah daripada YWP selaku perantara kepada KWP bagi setiap pembelian sumbangan di sini," katanya kepada *Wilayahku* selepas Majlis penyerahan Sumbangan Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 peringkat Parlimen Cheras di Pusat Rekreasi Cheras Jalan Peel pada Ahad.

Beliau yang juga Pemangku Ketua UMNO Bahagian Cheras berkata YWP sebagai sebuah entiti



MAHADI (kiri) bersama Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff menyerahkan sumbangan beg sekolah dan wang tunai di Pusat Rekreasi Cheras Jalan Peel, pada Ahad.

yang menjalankan program berbentuk kebajikan tidak pernah terlepas menghulurkan bantuan kepada penduduk dalam Parlimen Cheras dengan memberi keutamaan kepada pendidikan dan kebajikan.

"Selain program hari ini (Ahad), pelbagai program juga telah dilaksanakan bersama YWP antaranya baru-baru ini kita juga telah mengadakan Program Korban Perdana sempena Hari Raya Aidiladha yang mana YWP menyumbangkan empat ekor lembu untuk ibadah korban.

"Saya juga mendapat maklumat daripada Setiausaha Politik kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff yang memaklumkan bahawa KWP sedang merancang pelaksanaan program terbaru dengan kerjasama MPPWP iaitu Majlis

Khatan Perdana yang sebelum ini dilaksanakan di peringkat Parlimen Cheras sahaja," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian, Mustapa Kamal menasihatkan kepada para pelajar untuk sentiasa belajar bersungguh-sungguh demi membala jasa serta pengorbanan ibu dan bapa terutama dalam situasi COVID-19.

Beliau turut menyampaikan sumbangan mewakili Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Pengerusi YWP dalam Program Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 peringkat Parlimen Cheras kepada kira-kira 500 pelajar iaitu satu unit beg sekolah dan wang tunai RM100 setiap seorang dan turut dihadiri Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) YWP, Zahrulail Ab Rahman. **WK**



JALALUDDIN (kiri) bersama Ramlan (dua kiri) menyampaikan Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 kepada anak-anak memerlukan di kawasan Parlimen Lembah Pantai pada Ahad lalu.

Bantuan keperluan persekolahan

MESKIPUN ia telah menganjurkan pelbagai program yang berorientasi kebajikan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dilihat memainkan peranan yang sangat penting bagi memberikan kehidupan yang lebih baik untuk warga Wilayah Persekutuan.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Ramlan Askolani** berkata YWP telah melaksanakan usaha kebajikan dengan sebaik mungkin dan akan merancang lebih banyak program kerjasama bagi membantu warga Wilayah Persekutuan.

"Hari ini (Ahad) YWP telah menyalurkan sumbangan beg sekolah dan wang tunai RM50 kepada 1,000 pelajar di Lembah Pantai.

"Terima kasih Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan YWP yang tidak pernah putus memberi bantuan seperti bakul makanan, pakaian dan sebagainya kepada warga Lembah Pantai sejak pandemik COVID-19 berlaku," katanya kepada *Wilayahku* selepas sesi penyerahan

Program Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 peringkat Parlimen Lembah Pantai, Ahad lalu.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai menyifatkan bantuan ini sememangnya dapat membantu meringankan beban dan kesusahan yang dialami warga Lembah Pantai serta berharap ia dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang, Datuk Zainal Abidin Mohd Rafique berkata YWP merupakan penghubung kepada Menteri Wilayah Persekutuan dalam melaksanakan Program Bantuan Khas Persekutuan dapat membantu pihaknya dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

"Bantuan ini dapat mengurangkan beban ditanggung ibu bapa di sekitar Parlimen Bukit Bintang terutama mereka yang berada dalam keluarga kurang berkemampuan (B40) dan pemberian ini dapat meningkatkan semangat ingin belajar dalam kalangan anak-anak," katanya. **WK**

Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah 2022

Manfaatkan 19,000 penduduk Labuan

KHAIRUL IDIN

KIRA-KIRA 19,000 orang golongan B40 di Pulau Bebas Cukai ini bakal menerima manfaat Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah 2022.

Pengerusi Perbadanan Labuan, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata pelaksanaan program itu adalah memfokuskan kepada jualan barang sumber protein utama bersubsidi iaitu ayam dan telur ayam.

"Seramai 19,000 penduduk kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat ini selama tempoh enam bulan dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM399,000.

"Ini adalah merupakan usaha dan inisiatif pihak kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memastikan golongan B40 terus terbela dengan kenaikan harga ba-

rangan yang membebankan terutamanya bagi masyarakat di Labuan," katanya kepada pemimpin selepas melancarkan Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah 2022, Pasar Sentral Labuan pada Selasa.

Hadir sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail, Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEHP) Labuan, Junaidah Arbain.

Jelas Bashir, sebanyak 18 buah kedai rakan strategik dan peniaga ayam di Pasar Sentral akan terlibat dalam menjayakan program itu.

"Penerima akan mendapat subsidi berjumlah RM3 bagi pembelian ayam segar dan RM0.50 sen apabila membeli sekurang-kurangnya 10 biji telur ayam," katanya lagi. **WK**



SENATOR Datuk Bashir (dua dari kiri) selepas pelancaran Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah peringkat Labuan, bertempat di Pasar Sentral Labuan.

Kakitangan YWP terima Anugerah Tokoh Penggerak Muda GPMS

KAKITANGAN Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Muhammad Dzulkarnain Roslan** terpilih untuk menerima Anugerah Tokoh Penggerak Muda GPMS berikutan sumbangannya kepada pelajar Melayu yang kurang bernasib baik di Kuala Lumpur.

Dzulkarnain yang terlibat aktif dengan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak 13 tahun lalu bersemangat untuk mendokong dan membantu anak-anak Melayu dalam bidang pendidikan.

"Bagi saya, anugerah ini merupakan suntikan semangat untuk memperkasakan lagi GPMS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta bertekad untuk membantu pelajar Melayu yang kurang bernasib baik terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

"Insya-Allah, saya akan meneruskan program-program yang dirancang dan anugerah ini



DZULKARNAIN (kanan) menerima Anugerah Tokoh Penggerak Muda GPMS pada Perhimpunan Agung Tahunan di ibu negara Ahad lalu.

juga merupakan motivasi kepada saya untuk menyumbang lebih banyak kepada komuniti setempat Kuala Lumpur," katanya yang juga Naib Pengerusi 2, GPMS Wilayah Persekutuan.

Beliau menyifatkan perjuangannya sebagai aktivis pendidikan agak rencam kerana ia membabitkan golongan sasar yang ramai dan bilangan itu bertambah setiap tahun.

"Selain itu pendidikan, kita

jugalah perlu menjaga kebijakan pelajar-pelajar ini terutama di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berhadapan dengan masalah kewangan kerana rata-rata adalah dari dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

"Jadi peranan GPMS bukan sahaja setakat memastikan pelajar Melayu meneruskan pengajian, bahkan memastikan mereka tidak sengsara ketika menuntut ilmu," katanya kepada *Wilayahku* pada Ahad.

Dzulkarnain yang telah 13 tahun aktif bersama GPMS ini muah golongan pelajar menjadikan pertubuhan ini sebagai platform untuk menggilap bakat kepimpinan dan jati diri sebelum memasuki alam pekerjaan.

"Generasi baharu hari ini boleh membawa nafas baharu bagi memastikan GPMS akan terus relevan sepanjang zaman dengan memberikan peluang dan ruang untuk mereka menabur bakti.

"Gagasan idealisme dan semangat

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
Khairelwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

CERITA KEDAI KOP

Minyak masak: Kerajaan tegas

DALAM usaha menangani isu minyak masak di pasaran, Pengerusi Pasukan Petugas Jihad Menangani Inflasi, Tan Sri TPr Annuar Musa mengumumkan dua perkara penting baru-baru ini. Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, pengumuman ini sedikit sebanyak melegakan rakyat.

Pertama, mengharamkan eksport minyak masak dalam paket atau polibeg. Minyak masak satu kilogram ini sahaja yang masih diberi subsidi oleh kerajaan sekarang dengan harga RM2.50 setiap paket.

Kedua, menstruktur semula harga siling minyak masak dalam botol dua hingga lima kilogram yang melonjak naik sebaik sahaja kerajaan menarik balik subsidi pada akhir Jun lalu. Daripada RM32 sebotol lima kilogram, melonjak sehingga RM42, tambahan purata sehingga RM10.

Malah dahulu minyak botol lima kilogram harganya dalam lingkungan hanya RM22 hingga RM25 sahaja. Jelas harga bahan ini terus menerus naik.

Sebelum ini kerap terdengar rungutan kesukaran orang ramai mendapatkan minyak dalam paket di kedai dan pasar raya. Namun pada masa sama terdapat laporan minyak masak tersebut mudah didapati di negara jiran dan disyaki diseludup.

Kerana itulah menurut Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia, kerajaan kini bertindak mengharamkan eksport minyak masak paket untuk mengelakkan kekeliruan apabila pihak berkuasa menjalankan operasi, sama ada minyak tersebut dieksport atau diseludup.

Dengan penguatkuasaan peraturan baru ini, minyak masak paket adalah eksklusif untuk kegunaan domestik sahaja. Jika ada terdapat minyak jenis ini di tempat lain, bermakna ia diseludup. Dengan itu mudah bagi penguat kuasa bertindak sewajarnya.

Kawan-kawan Kedai Kopi menganggap ini langkah baik melindungi kepentingan rakyat tempatan, terutama yang bergantung kepada minyak paket. Langkah itu mampu mengekang penyeludupan, membolehkan lebih banyak bekalan di pasaran dan

memudahkan orang ramai membeli.

Malah kerajaan wajar mengarahkan syarikat pengeluar untuk menambah pengeluaran minyak dalam paket. Golongan berpendapatan sederhana dan rendah banyak bergantung kepada minyak ini kerana harganya masih mampu beli berbanding minyak dalam botol.

Kawan-kawan Kedai Kopi juga tabik kepada kerajaan kerana bertindak menstruktur semula harga siling minyak dalam botol setelah mendapat pihak pengeluar tidak mempedulikan gesaan kerajaan sebelum ini yang meminta mereka mengurangkan harga.

Memetik Annuar, setelah rundingan dan gesaan dibuat, ia tidak menampakkan jalan keluar positif. Pengilang dan pengeluar seperti tidak berminat menurunkan harga, mungkin bimbang margin keuntungan akan terjejas.

Sebagai reaksi dan jalan alternatif, kerajaan bersikap tegas dan efektif untuk melindungi pengguna yang nyata terbeban dengan kenaikan mendadak. Penstruktur semula harga siling dilihat jalan terbaik.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, apabila permintaan daripada kerajaan demi rakyat tidak mendapat reaksi positif daripada

pengeluar minyak, langkah proaktif dan drastik wajar diambil.

Sebenarnya ini tidak perlu berlaku. Pengeluar harus bertimbang rasa menyahut seruan kerajaan kerana selama ini mereka telah mengaut banyak keuntungan. Malah jika kerajaan tidak menggesa, mereka seharusnya mengambil langkah mengurangkan harga.

Sayangnya, sikap mahu untung tetap menjadi pegangan utama. Harga yang terus sahaja melonjak sebaik subsidi kerajaan ditarik balik bagi sesuatu yang memang ditunggu-tunggu selama ini. Pengeluar bagi tidak sabar menaikkan harga.

Mereka tetap tidak mahu 'mengusik' harga walau kebelakangan ini harga minyak sawit mentah dunia menurun. Inilah yang dikatakan bila hendak naik cepat sahaja, hendak turun sangat payah dan ada pelbagai alasan.

Malaysia ialah pengekspor minyak sawit kedua terbesar dunia selepas Indonesia. Seharusnya harga minyak masak di negara ini tidak terlalu membebankan rakyat. Sementara kerajaan berusaha membantu rakyat, syarikat pengeluar minyak mestilah juga membantu sebagai salah satu tanggungjawab sosial.



PELANCARAN **BULAN KEBANGSAAN** **DAN KIBAR JALUR** **GEMILANG 2022**

OLEH
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI

30 JULAI 2022 | SABTU | 8.00 PAGI – 10.00 PAGI
DATARAN PUTRA (MASJID PUTRA), PUTRAJAYA



KELUARGA
MALAYSIA
TEGUH BERSAMA



SELURUH KELUARGA MALAYSIA DIJEMPUT HADIR

SAKSIKAN SECARA LANGSUNG



#KELUARGAMALAYSIA TEGUHBERSAMA #KELUARGAMALAYSIA #TEGUHBERSAMA
#MERDEKA360 #HKHM2022 #KKOMM

<http://merdeka360.my>

facebook.com/Merdeka360

instagram.com/Merdeka360

twitter.com/Merdeka360



Puisi bergema di Rumah PENA



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA setiap Jumaat minggu pertama sejak 24 tahun lalu laman kuarters yang dikelilingi pohon menghijau itu akan bergema dengan puisi dan lagu puisi. Malamnya diserikan dengan kehadiran para seniman dan sasterawan.

Begitulah sejak mula, gema puisi dari kuarters di atas Bukit Petaling itu seolah-olah sampai ke seluruh pelosok ibu kota Kuala Lumpur yang tidak pernah lena. Setiap bulan, Jumaat pertamanya ditunggu-tunggu oleh seniman, sasterawan dan pencandu sastera.

Seingat saya sejak 24 tahun itu boleh dikatakan acara puisi di kuarters itu berlangsung tanpa gagal. Kecuali beberapa kali sahaja dan semasa perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu. Selain itu, acara puisi berkenaan tidak pernah mungkir.

Demikianlah Malam Baca Puisi PENA di Rumah PENA. Bermula pada pertengahan 1998 dan yang terbaru pada 22 Julai 2022 yang lalu bertema Hari Puisi Kebangsaan yang disambut pada setiap Julai. Tuan rumah, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) sangat luar biasa iltizamnya, walaupun sudah 24 tahun tetapi terus relevan dengan zaman.

Tentu sukar untuk dipercayai bahawa dengan kewangan yang amat terhad PENA mampu meneruskan tradisi yang bermula ketika Datuk Ahmad Sebi Abu Bakar menjadi presiden. Pastilah faktornya bukan kewangan sebaliknya iltizam yang tinggi dalam kalangan pemimpin PENA, sasterawan, seniman dan penulis terhadap acara ini.

Kalau diukur faktor kewangan, acara puisi bulanan yang pernah dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah tentu diteruskan hingga kini. Sumber kewangannya kukuh. Bagaimanapun acara itu terhenti selepas bersaranya bekas Datuk Bandar, Allahyarham Tan Sri Elyas Omar.

Mungkin hasrat yang dicitakan oleh Elyas terhadap acara seperti itu tidak dirasa atau dihayati oleh kepimpinan Kuala Lumpur selepas itu.

Bukanlah suatu yang luar



RUMAH PENA merupakan kuarters kerajaan yang dipinjam untuk kegiatan kesenian dan kesasterawan sejak persatuan itu ditubuhkan pada 1961.

biasa kalau ada menganggap puisi tidak mengenyangkan perut yang lapar. Barangkali disebabkan hal berkenaan hayat acara puisi bulanan di Auditorium DBKL tidak panjang seperti Malam Baca Puisi PENA.

Berbeza dengan kepimpinan PENA yang terdiri daripada kalangan yang mengerti dan yakin pada kuasa acara sastera seperti ini. Masa yang sama seniman, sasterawan dan penulis tidak meletakkan wang di hadapan kepentingan bahasa dan kesusteraan Melayu.

Walaupun hanya segelintir syarikat korporat yang menghulurkan sumbangan, tetapi acara yang sangat penting bagi Kuala Lumpur ini mendapat sokongan kewangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta beberapa agensi lain.

Kini PENA yang diterajui oleh presidennya, Dr Saleeh Rahamad terus berusaha keras mendapatkan sumber kewangan bagi menggerakkan kegiatan berkaitan kesusteraan dan penulisan.

PENA bukanlah sebuah persatuan yang kaya. Persatuan ini tidak ada sumber kewangan tetap untuk membiayai kelangsungan program secara bulanan.

Pendapatan PENA hanya daripada kutipan yuran tahunan. Berapalah sangat yuran itu berbanding belanja

menganjurkan acara bulanan dan membayar bil utiliti Rumah PENA.

Walaupun begitu dengan iltizam yang tinggi kepimpinan PENA terpaksa bertungkus lumus mencari biaya. Saya sangat mengerti kerja keras Presiden PENA serta jawatankuasa untuk memastikan acara deklamasi puisi bulanan paling lama ini tidak terhenti.

Dalam kalangan seniman dan penyair, masing-masing memahami keadaan PENA dan mereka menyumbangkan tenaga secara percuma. Malah PENA antara persatuan yang bergerak secara sukarela menyumbang pada pengukuhan sastera dan bahasa kepada masyarakat.

Saya turut berada pada acara deklamasi puisi yang pertama dulu. Bagaimanapun tidak dapat mengingati semua penyair yang menjayakan acara bersejarah malam itu kecuali Allahyarham Khalid Salleh dan Allahyarham Sunung Umar RS. Khalid adalah pengunjung tetap acara ini hingga ke akhir hayatnya.

Sutung pula penggerak utama acara deklamasi puisi ini pada awalnya hingga beberapa tahun selepas itu. Sebagai menghargai jasanya kepada dunia sastera dan kepenyairan, pentas tempat berlangsungnya acara puisi bulanan itu dinamakan Panggung Sunung Umar RS.

Mulanya saya menganggap acara itu sama seperti banyak acara puisi lainnya. Sekali diadakan terus senyap. Bagaimanapun bermula malam

“Dalam kalangan seniman dan penyair, masing-masing memahami keadaan PENA dan mereka menyumbangkan tenaga secara percuma. Malah PENA antara persatuan yang bergerak secara sukarela menyumbang pada pengukuhan sastera dan bahasa kepada masyarakat.

itu pada pertengahan 1998 diikuti bulan berikutnya dan diteruskan walaupun kepimpinan PENA silih berganti. Oleh kerana itu, tidak tahu apa yang hendak dikata lagi kalau usaha PENA ini terlepas pandang oleh kepimpinan Kuala Lumpur.

Rumah PENA kini sangat dikenali sebagai lokasi pertemuan dalam kalangan seniman dan sasterawan. Keadaan ini bertambah kukuh apabila setiap bulan ada acara yang bercorak seni dan sastera.

Daripada mereka yang mula berjinak dengan sastera hingga bertaraf Sasterawan Negara, mereka bertemu di acara puisi yang paling lama ini.

Acara deklamasi puisi secara marhaen ini sangat bererti kepada golongan penyair dan seniman terutama di Kuala Lumpur.

Dalam keadaan Kuala Lumpur yang tidak ada acara seni dan budaya yang berkala, Malam Baca Puisi PENA ini memberi nilai tambah pada kota ini. Kuala Lumpur tidak sahaja boleh berbangga dengan berdirinya batu-batu tetapi juga manusia yang berjiwa.

Malam Baca Puisi PENA juga berjasa kepada wartawan Utusan Melayu. Ketika syarikat akhbar Melayu tertua itu berdepan dengan rancangan licik pihak tertentu dalam politik arus pedana untuk digabungkan dengan New Straits Times Press (NSTP) pada 2006, wartawan Utusan Melayu menentang keras penggabungan tersebut.

Saya dan kawan-kawan terutama Allahyarham Datuk Baharom Mahusin berbincang dengan PENA menganjurkan acara deklamasi puisi. Acara yang bertema selamatkan Utusan Melayu itu dibuat mengikut jadual Malam Baca Puisi PENA iaitu Jumaat pertama.

Menganjurkan deklamasi puisi antara kempen yang dilancarkan

oleh wartawan-wartawan Utusan Melayu. Baharom dan beberapa pengarang kanan telah bertemu dengan semua menteri dan menerangkan kesan buruk penggabungan tersebut.

Malam itu saya sangat terkejut dengan kehadiran Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan, Tan Sri Dr Rais Yatim. Beliau bukan sahaja hadir malah turut mendeklamasi puisi yang bertemakan Utusan Melayu. Beberapa pemimpin politik arus perdana lain turut diundang, tetapi mereka tidak dapat hadir kerana ‘berhalangan’.

Begitulah garis masa yang panjang Malam Baca Puisi PENA dan saya turut berbangga kerana berjaya menyelitkan perjuangan wartawan-wartawan Utusan Melayu dalam acara itu.

Baru-baru ini ketika bertandang ke acara puisi edisi bulan Mei yang lalu, saya sempat berbual dengan seorang anak muda. Beliau sangat meminati puisi dan sedang melanjutkan pengajian di sebuah universiti di Kuala Lumpur. Usianya baru 24 tahun.

Saya segera memberitahu, acara yang sedang saksikan malam itu seusia denganannya. Beliau terkedu dan saya berkata lagi, hidup mesti berjaya. Tidak boleh fikir diri sendiri sahaja.

Malam Baca Puisi PENA yang berusia 24 tahun itu adalah jasa golongan seniman dan sasterawan kita pada nusa dan bangsa.



SONETA CINTA PRAGMA

Berkurun lama berkelana Redah kosmo, lahan dan jenggala Menyangkutkan koloni mimpi Hingga terdampar di kasur pagi.

Sempurna prasyarat Unggul dan patuh logika Erat ditambat terlerai tiada Menjadi bayang saban siang.

Demikian kasihmu Pragma Berjauhan sukar dipisahkan Penantian bukan halangan.

Setiamu Pragma Bersatu untuk tidak berubah Kekal ke hujung nyawa.

Nurimas SN
ESEmBAS, Kemasik.

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Mampukah tambah hartaanah Bumiputera di KL?

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan memastikan peruntukan pemilikan hartaanah Bumiputera di Kuala Lumpur bertahan pada kadar 30 peratus, dengan sasaran menambah sehingga mencapai 47 peratus. Mampukah ini dicapai?

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, KWP melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meletakkan syarat sekurang-kurangnya 30 peratus unit atau ruang dalam pembangunan hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputera.

Ini sejajar dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mensasarkan penggunaan 30 peratus Bumiputera dalam pemilikan hartaanah.

Menurut bancian 2020, sejumlah 47.7 peratus atau hampir separuh daripada penduduk Kuala Lumpur adalah Bumiputera. Kerana itu menurut Shahidan, menjadi hasrat KWP dan DBKL mensasar peratus pemilikan lebih tinggi menurut peratusan kaum.

Mesyuarat tertinggi peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Shahidan secara prinsipnya bersetuju peratusan ini dipertingkat dengan fleksibiliti antara 30 hingga 47 peratus.

Hakikat yang perlu diterima ialah kos kehidupan di Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang pesat membangun, sangat tinggi. Seiringan itu kos hartaanah juga tinggi, baik sektor kediaman atau sektor komersial.

Rumah di Kuala Lumpur berharga ratusan ribu ringgit, terutama yang di atas tanah atau *landed property*. Oleh kerana tanah semakin berkurangan, apartmen atau kondo bercambah di merata-rata penjuru Kuala Lumpur. Harganya juga menelan ratusan ribu ringgit.

Begitu juga dengan unit komersial. Jika tidak ada ratusan ribu atau jutaan ringgit, memang usah bermimpi memiliki unit komersial, tambahan lagi di tengah-tengah bandar raya.

Walaupun hampir separuh penduduk Kuala Lumpur Bumiputera, kuasa beli sebahagian besar mereka lebih rendah berbanding kaum lain. Kemampuan membeli hartaanah berharga terlalu tinggi memang terhad, malah sukar.

Adi tidak bermaksud memperkecil kemampuan Bumiputera, tetapi realitinya begitu. Kita boleh meneliti sendiri siapa kebanyakan pemilik rumah atau kondominium mewah atau pusat komersial di ibu kota. Jika ada Bumiputera pun boleh dibilang dengan jari.

Bumiputera lebih banyak bertumpu di kawasan kediaman



PEMBANGUNAN Kampung Baru mesti dilaksanakan segera bagi meningkatkan taraf hidup dan status Bumiputera di bandar.

sederhana sejarah kemampuan. Itu pun boleh mencecah sehingga tiga ratus ribu seperti Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), kini dikenali sebagai Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM).

Bangunan komersial juga terlalu sedikit dimiliki Bumiputera. Pusat-pusat komersial atau beli belah milik kaum lain. Bumiputera hanya mampu menyewa, itu pun di kawasan yang sewanya tidak terlalu tinggi, atau bangunan milik kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Dengan kos pemilikan hartaanah begitu tinggi, Bumiputera meletakkan harapan kepada KWP dan DBKL bagi pemilikan hartaanah pada harga mampu. Contohnya ramai yang bergantung kepada Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA).

Kerana itu PPR dan PA sentiasa menjadi rebutan warga kota kerana kos pembelian atau sewa yang sangat berpatutan. Namun permintaan terlalu tinggi berbanding bekalan. Kerana itu ramai tidak mendapatnya. Barisan menunggu semakin

panjang setiap tahun. Dalam senario inilah Adi terfikir, bagaimana cara Bumiputera mahu menambah pegangan hartaanah dengan kemampuan kewangan terhad. Aspek ini perlu diberi perhatian khas oleh kerajaan agar Bumiputera di Kuala Lumpur tidak terpinggir memiliki hartaanah.

Adi sangat berharap apabila Pembangunan Semula Kampung Baru dilaksanakan kelak, nilai hartaanah di kawasan kediaman Melayu itu meningkat dan melonjakkan pegangan hartaanah Bumiputera keseluruhannya.

Kerana itu pembangunan Kampung Baru mesti dilaksanakan segera. Penduduk, terutama yang masih enggan menerima pembangunan, mesti responsif dengan langkah kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup dan status Bumiputera di bandar.

Seperti ditegaskan oleh Shahidan, antara kekangan utama pemilikan hartaanah ialah tidak mampu membeli rumah atau bangunan komersial mengikut harga pasaran, penawaran dan permintaan yang tidak sepadan menurut lokasi serta kegagalan mendapat

SKETSA



“Adi sangat berharap apabila Pembangunan Semula Kampung Baru dilaksanakan kelak, nilai hartaanah di kawasan kediaman Melayu itu meningkat dan melonjakkan pegangan hartaanah Bumiputera keseluruhannya.

pembinaaan.

Seperti Adi sebut, kos tinggi hartaanah memang ‘tidak mesra’ Bumiputera memandangkan pendapatan kebanyakannya mereka adalah sederhana. Membeli hartaanah mewah bagi tidak tercapai tangan. Malah institusi kewangan pun tidak akan memberi pinjaman jika syarat pendapatan gagal dipenuhi.

Realiti ini terpaksa dihadapi. Kemajuan negara dan pembangunan pesat di ibu kota menjadikan kos kehidupan sentiasa meningkat. Beberapa dekad lalu harga rumah atau bangunan komersial di Kuala Lumpur hanya puluhan ribu.

Sebagai contoh, kawan Adi membeli rumah dua tingkat di Damansara pada 70-an dalam lingkungan RM50 ribu sahaja. Dengan pembangunan pesat di kawasan tersebut kini, harga hartaanah mencecah ratusan ribu, malah berjuta.

Bayangkan pada akhir 70-an, Adi dan rakan-rakan menyewa unit apartmen tiga bilik di Kampung Baru dengan hanya RM350 sebulan. Hari ini dengan wang sebanyak itu sewa bilik pun tidak lepas. Begitulah pesatnya kenaikan kos hartaanah di ibu negara.

Pada tahun-tahun mendatang, nilai hartaanah akan semakin tinggi. Adi bimbang dengan itu juga hasrat menambah pemilikan hartaanah Bumiputera sukar dicapai. Malah Adi bimbang pemilikan yang ada sekarang akan merosot.

Ini tidak mustahil jika warga kota yang tehimpit dengan kos kehidupan di ibu kota mengambil keputusan melupuskan harta yang dimiliki untuk pulang ke kampung halaman atau berpindah ke kawasan yang lebih murah.

Turut terjejas dengan harga hartaanah ialah mereka yang baharu bekerja setelah tamat pengajian di universiti atau kolej. Dengan gaji permulaan dalam lingkungan RM2,500 sebulan memang tidak mampu membeli rumah berharga ratusan ribu.

Banyak komitmen lain perlu dilangsai. Antaranya perbelanjaan harian dan bulanan, membayar balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sewa rumah dan sebagainya. Kata orang gaji sekadar cukup makan.

Seperti hasrat KWP dan

DBKL, Adi sendiri sangat ingin melihat pemilikan hartaanah Bumiputera meningkat. Adi mahu lebih ramai Bumiputera mampu membeli rumah mahal atau bangunan komersial di tengah bandar raya untuk memamer bahawa Bumiputera mampu bersaing dengan bangsa lain.

Dalam hal ini, pergantungan kepada kerajaan masih perlu. Pihak KWP dan DBKL perlu memperbanyak projek PPR atau PA memandangkan masih ramai yang menunggu untuk mendiami perumahan berkenaan.

Bagi ramai warga kota, PPR dan PA sahaja harapan mereka untuk memiliki rumah. Pastikan juga rumah ini berpatutan keluasannya, ada tiga bilik dan selesa untuk didiami dengan segala kemudahan asas disediakan.

Juga pastikan syarat ketat dikenakan kepada pemaju. Misalnya apabila melaksanakan projek perumahan berharga tinggi, bina juga perumahan untuk golongan berpendapatan sederhana. Jika enggan, jangan beri kelulusan pembinaan.

Bagi hartaanah komersial pula, galakkan UDA atau MARA membina lebih banyak pusat sedemikian dan jual kepada Bumiputera dengan harga berpatutan atau termasuk tidak membebankan.

Namun pada masa sama Bumiputera juga mesti berusaha memperbaiki diri. Perlahan-lahan kurangkan pergantungan kepada kerajaan. Tekad berusaha untuk maju demi diri sendiri serta memastikan pegangan hartaanah Bumiputera di Kuala Lumpur dipertahan dan dipertingkat.

Adi—Syukur ada rumah

Adi Taib

SAJAK

SULAMAN RINDU

Di pertapaan jitu
Ku sebut namamu
sulaman kata menggamit sendu
menari jiwa rentak seribu
ketemu juu dibujuk waktu

Tenunan salju
mobilas kemurungan dulu
berantakan hala tuju
mencari arah hulu

Sesekali terpasung juu kerdil begitu
di putaran masa membantu
terlanttarlah sendiri aku
pada sebuah sulaman rindu
merinyu di perdu
tatkala senja masih tak menentu
terperi aku di hujung batu.

Oui Bin Sal
Tanah Merah,Kelantan.

Perluas bantuan kepada pembelajaran

Ibu bapa harap wujudkan pusat tuisyen

HAZIRAH HALIM

INISIATIF Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menghulurkan sumbangan Bantuan Khas Persekolahan YWP 2022 dilihat sebagai satu usaha murni dalam membantu warga kota memerlukan.

Rata-rata ibu bapa menzahirkan ucapan terima kasih dan syukur kerana bantuan tersebut secara tidak langsung meringankan beban mereka.

Malah mereka berharap pelaksanaan program yang tertumpu kepada aspek pendidikan ini diharap dapat diperluaskan pula ke arah bantuan proses pembelajaran.

Menurut salah seorang ibu kepada penerima sumbangan bantuan peringkat Parlimen Lembah Pantai, **Azura Muhaidin**, 44, dia berharap kedua-dua pihak dapat mewujudkan pusat tuisyen kos rendah buat pelajar yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah (B40).

“Dengan kewujudan pusat



PENERIMA bantuan peringkat Parlimen Lembah Pantai bergambar bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (tengah) pada Ahad lalu.

tuisyen tersebut, ia dapat membantu pelajar kurang berkemampuan mengikuti kelas tambahan di samping meningkatkan kemahiran dan latihan dalam pembelajaran.

“Pendidikan sangat penting melalui pendidikan jugalah mereka

dapat mengubah nasib keluarga. Saya harap sangat jika ada lagi program ini pada masa hadapan ia akan diperluaskan kepada perkara ini,” ujarnya yang berharap program tidak hanya tertumpu kepada bantuan dalam bentuk barang.

dapat mengubah nasib keluarga. Saya harap sangat jika ada lagi program ini pada masa hadapan ia akan diperluaskan kepada perkara ini,” ujarnya yang berharap program tidak hanya tertumpu kepada bantuan dalam bentuk barang.

Dalam pada itu, **Zainab K. Abu Bakar**, 63, mengharapkan program ini diteruskan dan diperluaskan lagi agar tiada sesiapa yang tercicir untuk menerima bantuan.

“Dengan adanya pertolongan daripada pihak YWP dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) setiap parlimen, bantuan dapat disalurkan sebaiknya dan saya juga mengharapkan agar bantuan lain turut diberikan pada pelaksanaan seterusnya,” katanya ketika ditemui pada sesi penyerahan bantuan peringkat Parlimen Cheras.

Menurut **Mohd Hanif Muhamad Yusof**, 38, meskipun pendapatannya tidak terjejas teruk ketika pandemik COVID-19 namun dia bersyukur kerana bantuan tersebut dapat menampung kos pembentangan dan pembelian barang sekolah anaknya.

“Sungguhpun begitu, untuk kembali stabil selepas fasa pandemik bukan hal yang mudah. Saya pernah bermain kutu semata-mata mahu menambah sedikit wang perbelanjaan lebih-lebih lagi empat orang anak bakal memulakan sesi

 ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000  Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000  Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852  Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489

persekolahan ketika itu.

“Saya percaya selepas pandemik ramai yang terkesan, jadi program ini amatlah membantu golongan seperti kami dan saya bersyukur kerana ini adalah pertama kali anak mendapat bantuan daripada pihak luar selain dari pihak sekolah,” katanya yang merupakan bapa kepada penerima bantuan di peringkat Parlimen Cheras. **WK**

Perjanjian penyelidikan UiTM, UMS bangunkan industri farmaseutikal

DIANA AMIR

PEMETERAIAN perjanjian penyelidikan di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dilihat dapat membantu membangunkan industri farmaseutikal di Malaysia.

Menurut Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS, **Profesor Madya Dr Monica Suleiman** perjanjian penyelidikan tersebut adalah berkaitan penyelidikan kimia dan farmakologi terhadap produk ubatan semula jadi di Sabah.

“Jalinan kerjasama penyelidikan ini adalah bertajuk ‘Chemical and pharmacological investigation on medicinal natural products of Sabah’ yang mana hasil penemuan akhir kajian penyelidikan dapat mengesahkan bahawa penggunaan tradisional tumbuhan ubatan di Sabah dapat dikembangkan menjadi ejen farmaseutikal dan nutraceuticalal.

“Kerjasama penyelidikan ini juga penting untuk mencapai Dasar Bioteknologi Negara (NBP) dan Dasar Perubatan Kebangsaan Malaysia,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Penyelidikan tersebut di Pejabat Naib Canselor, Bangunan Canselori UMS, baru-baru ini.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Profesor



TAUFIQ (dua dari kanan) bersama Nor Hadiani (dua dari kiri) ketika pemeteraihan perjanjian penyelidikan di antara UMS dan UiTM.

Datuk Ts. Dr Roziah Mohd Janor dan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk ChM Dr Fatimah Salim bersepakat untuk mengadakan perjanjian antara dua institut ini secara rasmi agar penyelidikan dan kerjasama dapat dijalankan secara lebih efektif dan komprehensif,” ujarnya.

Katanya, jalinan kerjasama antara IBTP dan AuRIns telah bermula sejak tahun 2019 lagi melalui projek geran penyelidikan dan penyeliaan pelajar pascasiswazah.

“UMS dan UiTM juga akan menjadi pengangur bersama satu persidangan antarabangsa iaitu International Conference on Natural Products (ICNP) pada 21 hingga 23 September 2022.

“Dengan itu, saya bersama rakan saing di AuRIns iaitu ChM Dr Fatimah Salim bersepakat untuk mengadakan perjanjian antara dua institut ini secara rasmi agar penyelidikan dan kerjasama dapat dijalankan secara lebih efektif dan komprehensif,” ujarnya.

“Kami di IBTP berhasrat untuk meneruskan kerjasama ini pada masa akan datang dalam bidang-bidang penyelidikan lain yang berkaitan di UMS dan UiTM,” jelasnya perjanjian penyelidikan antara IBTP UMS dan AuRIns UiTM ini akan berlangsung selama lima tahun bermula 14 Julai 2022.

Turut hadir, Felo Penyelidik AuRIns merangkap ketua projek, ChM Dr Fatimah Salim. **WK**

Tiga pelajar wakili negara ke Pertandingan Kuiz ASEAN

SERAMAI tiga orang pelajar sekolah yang merupakan pemenang utama Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan 2022 akan mewakili negara ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Rantau yang akan dianjurkan pada hujung tahun ini.

Menurut Jabatan Penerangan Malaysia, pelajar yang dipilih adalah dari Sabah, Sarawak dan Terengganu.

“Sky Broxlyne Roy Maxwill dari SMK Mat Salleh Ranau, Sabah telah diumumkan sebagai Johan Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan 2022 bagi Kategori Murid Sekolah. Manakala, George Loh Ing Won dari SMK Methodist, Sarawak di tempat kedua dan Muhammad Adam Haiqal Shaari Ismail dari SM Sains Kuala Terengganu, Terengganu di tempat ketiga.

“Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM2,500, RM1,500 dan RM1,000 berserta sijil dan trofi.

“Selain itu, di tempat keempat adalah Abbel Sinusi dan Ravi Sahana Nair di tempat kelima. Kedua-dua pemenang adalah dari SMK Mat Salleh Ranau, Sabah. 10 pemenang saguhai adalah empat peserta dari SM Sains Kuala Terengganu, Terengganu, empat peserta dari SMK Methodist, Sarawak dan dua peserta dari SMK Mat Salleh Ranau, Sabah,” katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya seramai 20 orang peserta (Top 20) dalam Kategori Murid Sekolah, telah bertanding dalam Sesi Live Quiz sempena Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan 2022.

“Sesi tersebut telah dilaksanakan pada 20 Julai 2022, secara dalam talian melibatkan 20 peserta akhir yang telah mendapat markah tertinggi dan masa terpanas dalam Pertandingan Kuiz ASEAN 2022 yang telah dilaksanakan pada 1 hingga 30 Jun 2022,” ujarnya pertandingan tersebut mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan murid sekolah.

Pihaknya berkata jumlah keseluruhan penyertaan tahun ini meningkat sebanyak 16 peratus (%) berbanding tahun 2020.

“Jumlah penyertaan bagi Kategori Murid Sekolah pada tahun ini adalah seramai 36,508 iaitu peningkatan sebanyak 43% berbanding 25,595 penyertaan pada tahun 2020. Dimaklumkan bahawa, jumlah keseluruhan penyertaan pada tahun ini adalah sebanyak 54,796 iaitu peningkatan sebanyak 16% berbanding 47,091 pada tahun 2020,” jelasnya kuiz ini telah memasuki edisi ke-10 sejak pengjurannya pada tahun 2002.

Untuk rekod, Pertandingan Kuiz ASEAN 2022 telah berlangsung pada 1 hingga 30 Jun lalu melibatkan dua kategori iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Murid Sekolah. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

RiauKota

29 JULAI - 4 OGOS 2022 . Bil 175

Wilayah Ku

Rekreasi berkuda *di Putrajaya*



SUKAN atau rekreasi berkuda merupakan satu terapi mental dan fizikal yang baik untuk membentuk keyakinan diri, melepaskan stress dan meregangkan seluruh otot tubuh.

Riadah yang melibatkan interaksi bersama haiwan ini juga boleh mencabar tahap psikologi dan sosial seseorang kerana terdapat banyak limitasi dan cabaran baru yang perlu dititik beratkan.

Bagi warga Putrajaya atau yang tinggal di lokasi berdekatan, tidak perlu menjelajah jauh untuk merasai pengalaman unik ini. Anda boleh berkunjung ke Taman Equestrian Putrajaya (TEP) yang terletak di Presint 5, Putrajaya.

SAMBUNGAN DI MUKA 10

Sila imbas kod QR di bawah untuk menonton video:



TAMAN EQUESTRIAN PUTRAJAYA

SELAMAT DATANG

Beri peluang orang awam berkuda



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN & TEP
DIANA AMIR

DARI MUKA 9

APABILA disebut tentang sukan berkuda seperti polo dan equestrian, pasti ramai yang melupakan hasrat untuk menyentainya kerana ia tergolong antara sukan yang paling mahal di dunia sejak dahulu lagi.

Sukan yang kebiasaannya diminati oleh kerabat diraja ini dianggap memiliki nilai estetika tersendiri. Malah kebiasaannya sukan tersebut memerlukan seseorang itu mempunyai sekurang-kurangnya seekor kuda.

Tampil mengubah kelainan terhadap sukan tersebut, Taman Ekuestrian Putrajaya (TEP) yang merupakan taman ekuestrian kedua terbesar di Asia Tenggara ini merupakan satu-satunya lokasi berkuda yang dibuka kepada orang ramai.

Terletak di Presint 5, Putrajaya, pelbagai aktiviti sukan berkuda serta peluang menonton perlawanan sukan polo dapat disertai oleh semua golongan sekali gus menjadikannya salah satu destinasi rekreasi.

Menurut Penolong Pengurus Operasional TEP, **Amerul Izuwan Abd Halim**, selain menjadikan TEP sebagai satu lokasi tumpuan awam, ia juga sebagai satu langkah dalam mempromosikan sukan berkuda di Malaysia memandangkan ramai yang tidak arif tentang sukan tersebut.

“Kebiasaannya orang menganggap tempat kuda ini harganya mahal dan hanya golongan berada sahaja yang mampu. Namun kita mahu membuang tanggapan tersebut yang mana mereka juga dialu-alukan.

“Saya akui tanggapan tersebut yang masih kekal dalam fikiran orang awam sehingga hari ini sedikit sebanyak menjadi cabaran

yang sedang pihak kita hadapi saat ini,” ujar beliau lagi.

Berkongsi pengalaman dengan *Wilayahku*, beliau pernah berdepan dengan pengunjung yang sanggup berpatah balik kerana bimbang lokasi tersebut hanya untuk dikunjungi oleh golongan berduit sahaja.

“Saya sempat bertanya dan ternyata mereka beranggapan sukan berkuda hanya untuk golongan elit. Setelah menerangkan lebih lanjut akhirnya mereka kini menjadi antara pelajar kami di sini.

“Jika di Selangor Turf Club (STC) misalnya, memang ia merupakan kawasan tertutup namun di TEP berlainan kerana kebanyakan fasiliti di sini dibuka bagi kegunaan orang ramai,” ujar beliau lagi.

Mengakui banyak kebaikan dalam sukan berkuda, Amerul berkata pihaknya turut menyediakan kelas bagi mereka yang berminat dengan sukan berkuda untuk mempelajari teknik

asas menunggang kuda (*beginner*) menerusi tiga peringkat berbeza.

“Pada peringkat awal, mereka akan diajar cara penjagaan kuda, mengawal kuda dan pada peringkat seterusnya mereka boleh memilih untuk belajar sama ada acara *jumping* atau *dressage*.

“Kebanyakan pelajar kita akan hantar menyertai pertandingan untuk mengutip pengalaman dan rata-ratanya berjaya merangkul tempat teratas. Ini menunjukkan kelas yang disediakan di TEP sangat efektif dan mampu melahirkan pemenang,” katanya.

Selain kelas, tambahnya lagi TEP turut menyediakan aktiviti *joyride* bagi orang awam yang ingin merasai pengalaman berkuda yang mana aktiviti untuk golongan dewasa dan kanak-kanak ini membolehkan mereka mengelilingi kandang dengan menaiki kuda.

“Kita juga mempunyai aktiviti

‘stable tour’ yang membolehkan orang ramai merasai pengalaman memberi makan dan cara penjagaan kuda,” jelasnya sambil menambah antara aktiviti lain ditawarkan ialah sesi fotografi dan sesi kelas secara peribadi.



AMERUL IZUWAN



SELAIN menunggang kuda, pengunjung di TEP berpeluang untuk bermesra dan mengenali haiwan lasak ini secara lebih dekat.



Himpun pemain polo serata dunia

PERNAH menjadi lokasi penganjuran Sukan SEA 2017 dan sukan polo dan ekuestrian bertaraf dunia lain, maka tidak hairanlah TEP yang merangkul Anugerah Gold Awards 2018 (*Integrated Equestrian Park 2018*) memiliki fasiliti hebat yang bertaraf dunia seperti padang polo, *riding track*, *paddock and arena*, *pavilion*, *horse stable* dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga beberapa fasiliti dewan yang boleh disewa kepada orang ramai untuk penganjuran majlis seperti perkahwinan, makan malam dan sebagainya yang mampu memuatkan 500 orang dalam satu masa.

"Antara fasiliti yang kita tawarkan adalah lima buah dewan berkoncepkan *indoor* berserta pendingin hawa dan empat *terrace* berkoncepkan *outdoor* selain padang arena juga turut disewa bagi penganjuran sebarang aktiviti," jelas Amerul lagi.

Selain dewan dan padang, TEP turut mempunyai dua buah restoran buat mereka yang ingin minum dan bersantai sambil menikmati pemandangan kuda polo membuat latihan.

"Kita mempunyai Clubhouse Hayat Restaurant berkoncepkan '*polo style*' yang menawarkan menu barat dan juga tempatan di mana antara tujuannya adalah bagi

menghimpunkan pemain polo dari serata dunia.

"Manakala Ekues Kabin pula menawarkan konsep minum sambil melihat kuda polo membuat latihan di sebelah petang. Menariknya terdapat *ride thru* di mana pemain polo boleh memesan makanan atau minuman sambil menunggang kuda.

"Ia merupakan antara pengalaman menarik yang mesti dirasai oleh orang ramai," ujarnya memberitahu waktu operasi adalah setiap Selasa hingga Ahad bermula 8.30 pagi hingga 10.30 pagi manakala sesi petang pula dijalankan pada 4.30 petang hingga 6.30 petang. **WK**



LATIHAN dan pertandingan sukan ekuestrian juga sering diadakan di TEP.

Pentingnya isyarat telinga



HAZIRAH HALIM

KUDA merupakan seekor haiwan yang unik. Bagi mereka yang ingin mencebur ke aktiviti berkuda, bukanlah satu perkara mudah untuk anda mengenali haiwan ini dalam tempoh yang begitu singkat.

Bukan sahaja perlu peka dari segi kesihatan sahaja bahkan dari semua segi antaranya makanan, perubahan emosi, perkara yang boleh dan tidak, aktiviti harian, kebersihan dan sebagainya.

Berkongsi pengalaman menguruskan kuda selama enam tahun, tenaga pengajar, Mohamad Azri Mohd Rejab, 30 berkata perkara utama yang perlu dipelajari ketika pertama



MOHAMAD AZRI

kali menjinakkan diri dengan kuda adalah mengetahui jadual aktiviti harian serta isyarat pada bahagian telinganya.

"Seawal pukul 6 pagi penjaga kuda akan memulakan tugas memberi makanan kepada kuda-kuda di TEP dan kemudiannya kuda akan berehat selama dua jam untuk makan dan mandi sementara menunggu waktu kelas atau latihan pada pukul 8 pagi.

"Selpas itu, mereka akan menjalani kelas selama 45 minit pada sebelah pagi dan petang seterusnya sesi *grooming* sebelum bergerak masuk semula ke dalam *stable* untuk berehat.

"Sesi *grooming* dilakukan setiap hari pada sebelah dan selepas aktiviti kerana ia dapat mengelakkkan kuda daripada dijangkiti pelbagai penyakit terutamanya kurap yang boleh menyebabkan kesihatan kuda," jelasnya kuda turut menerima suntikan vaksin enam bulan sekali atau untuk tempoh setahun.

Sementara itu, tiga isyarat pada bahagian telinga yang penting untuk diketahui adalah isyarat keadaan seperti terbuka, belakang dan kedua-dua ke hadapan.

"Kalau nak tahu keadaan kuda itu tenang, telinganya akan terbuka kiri dan kanan, jika ke belakang maknanya kuda sedang

marah atau tidak selesa. Keadaan ini boleh menyebabkan sesiapa yang dekat dengannya akan digigit atau ditendang manakala dua telinga menghadap tegak ke hadapan bermaksud kuda berada dalam ketakutan," ujarnya.

Berkongsi pengalamannya kepada *Wilayahku*, Mohamad Azri berkata dia pernah dipijak kuda pada bahagian perut ketika ingin menyelamatkan seorang wanita yang sedang melakukan sesi

fotografi perkahwinan.

"Kuda tersebut terkejut apabila terkena pancaran 'flash' kamera. *Alhamdulillah*, kuda tersebut tidak memijak perut saya terlalu dalam kerana ia sensitif dengan benda lembut," jelasnya.

Berkongsi tentang pemakanan pula, antara makanan yang sering dimakan oleh kuda adalah lobak dan kuda mudah jatuh sakit sekiranya ia mengambil makanan yang tidak biasa dimakan. **WK**



KESIHATAN, makanan, perubahan emosi dan kebersihan antara elemen penting dalam penjagaan kuda.







DEEL ANJER

SEHINGGA saat ini, masih ramai yang tertanya-tanya, ke manakah pergiannya bekas personaliti TV3 popular, Zalina Azman yang dilaporkan hilang sejak November tahun lalu.

Kali terakhir telefon bimbit pemilik nama sebenar Zalina Shaharah Azman dikesan aktif adalah pada 20 November tahun lalu, empat hari sebelum anak lelakinya cuba membuat panggilan kepada wanita itu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, **Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim**, berkata menerusi semakan dan siasatan dibuat, pihak polis berpendapat berkemungkinan Zalina hilang lebih awal daripada tarikh yang dilaporkan.

"Kalau anaknya tak cuba telefon, kita pun tak tahu dia hilang. Berkemungkinan Zalina telah hilang lebih awal, tapi tidaklah awal sangat sebab

'Kehilangan' Zalina Azman terselit pengajaran

kita sudah semak dan pada 20 November didapati telefonnya telah dimatikan (tiada rekod panggilan keluar atau masuk).

"Sama ada kerana sudah habis bateri itu kita tidak dapat pastikan," katanya.

Bermacam-macam cara sedang dijalankan pihak polis, antaranya adalah mengesan pekerja yang pernah melakukan pengubahsuaian kediaman Zalina bagi membantu siasatan.

Bukan itu sahaja, kisah kehilangan Zalina mendapat liputan meluas para media di seluruh negara.

Namun di sebalik siasatan dan hebohan ini, pelbagai andaian atau spekulasi tidak

enak yang timbul, bagaimanapun sehingga kini tiada sebarang petunjuk baharu ditemui tentang keberadaan Zalina.

Apa yang Wilayahku amati, semua yang berlaku ini terselit pengajaran umum kepada kita semua. Antaranya kepada yang berjauhan dengan keluarga, tololong bertanya khabar sepanjang masa, tidak kira siang atau malam.

Ini kerana, kadang-kadang kita tak sedar terdapat ahli keluarga yang memerlukan bantuan dan dorongan.

Ringan-ringankanlah tangan, carilah masa yang kerap untuk ambil tahu tentang ahli-ahli keluarga yang lain. Bak kata pepatah, air dicincang tidak akan putus. **W.K**



FOTO terakhir Zalina sebelum dilaporkan hilang (gambar kecil).

Lawak kartun eratkan Wany Hasrita dan Adib

PENYANYI popular Wany Hasrita, 30, mengaku rumah tangga yang dibina bersama suaminya, Mohd Al-Adib Fahmi Harun, 30, kini menjadi keutamaan.

Malah Adib tidak pernah menghalang Wany untuk terus aktif menyanyi namun batas-batas status sebagai isteri harus dijaga.

Ini termasuklah keinginan Adib yang mahukan isterinya melakukan sedikit perubahan pada penampilan.

"Apapun, syarat utama yang saya beritahu dia ialah labuhkan tudung. Itu paling utama. Untuk masak pula, zaman sekarang sudah berubah dan banyak kemudahan untuk mendapatkan makanan," jelas Adib.

Sementara itu, Wany pula sempat berkongsi tentang lelaki yang berjaya menambat hatinya yang juga bekerja dalam bidang penerbangan di Kuching, Sarawak.

Kata Wany, hubungan mereka mula rapat sejak 2019. Namun jika diikutkan mereka sudah mengenali antara satu sama lain sejak tahun 2010 lagi melalui rakan baiknya yang juga merupakan sepupu Adib.

"Kenal macam tu saja. Waktu itu pun saya belum menjadi penyanyi lagi. Cuma, pada 2019 barulah kami mulai menjadi rapat. Kami mengikuti antara satu

sama lain di Instagram (IG) dan banyak berhubung di situ.

"Ada satu hari dia buat lawak mengenai kartun Thomas & Friends. Saya pun boleh layan. Sejak itu, kami terus 'ngam' dan saling memahami dalam banyak perkara," ujarnya yang mengaku tidak ada istilah 'declare' menjadi kekasih dalam perhubungan mereka.

Terdahulu, Wany Hasrita selamat bernikah dengan lelaki pilihannya Mohd Al-Adib Fahmi Harun, dengan dua kali lafadz, pada 22 Julai lalu di Glam Hall, Damansara Perdana.

Pasangan itu dinikahkan bapa pengantin perempuan, Hasbullah Hassan, 56, dengan disaksikan Penolong Pendaftar Perkahwinan Qariah Masjid Al Mukarramah, Daerah Petaling, Mat Syaharuddin Al Rasyid Mat Isa.



WANY dan suami sejurus akad nikah.

Mat Kilau bawa tuah buat Johan As'ari

PELAKON popular Johan atau nama sebenarnya, **Johan Arif As'ari** mengaku pernah rasa terpinggir dan seperti sudah dilupakan ekoran kurang mendapat liputan media, sejak kebelakangan ini.

Johan yang semakin popular menerusi filem Mat Kilau ini juga akur, tiada kasih kontroversi menyebabkan dirinya tenggelam timbul. Hanya sesekali diingati tentang kasih cinta yang tidak kesampaian.

"Saya tak pernah merajuk. Ada sahaja drama lakonan disiarkan di kaca TV, tetapi seakan tidak diambil peduli. Mungkin juga saya lemah mempromosikan diri dalam media sosial.

"Orang nampak saya sepi disebabkan kurang mendapat liputan. Bagaimanapun, saya masih gembira dan bekerja seperti biasa."

"Sama juga seperti orang lain, saya ada platform media sosial dan berusaha mengikuti aliran semasa agar tidak ketinggalan," katanya.

Namun penangan filem Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan membuka pintu rezeki kepada aktor, malah dia kembali diberikan watak utama.

Selepas lebih lima tahun tidak muncul di kaca televisyen, Johan akhirnya ditawarkan watak hero menerusi drama lapan episod berjudul Gelora 1941, siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menerusi drama arahan Khairul Anuar Mat Noor atau mesra disapa Warna, Johan kali

pertama disatukan dengan pelakon, Yuna Rahim.

"Saya akui, fenomena filem epik mega terbitan Studio Kembara sentuhan Syamsul Yusof itu menjadi tempias untuk syarikat produksi menyedari kehadiran saya hingga kembali ditawarkan watak utama.

"Watak Yassin dalam filem Mat Kilau dan bergandingan dengan pelakon hebat seperti Datuk Adi Putra, Fattah Amin dan Beto Kusyairy sebagai tuah berharga.

"Saya tumpang bangga selepas dua tahun industri kreatif lumpuh termasuk pawagam dihentikan operasi, kehadiran filem Mat Kilau membakar semangat penggiat seni untuk bangkit semula," ujarnya lagi yang meluahkan rasa syukur apabila kutipan tiket Mat Kilau mencecah RM90 juta selepas 33 hari tayangan.



DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



26cm X 33cm
RM7,500



26cm X 17cm
RM5,500



12cm X 17cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT
BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE
BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM
RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF
PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhab akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Wanita Malaysia terus diperdaya 'Love Scam'



DEEL ANJER

WANITA merupakan golongan paling ramai terjerat dengan tipu helah sindiket penipuan dalam talian atau sindiket Love Scam dengan merekodkan 55 peratus kes berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Biarpun banyak pendedahan yang dilakukan pihak berkuasa dan sebagainya tentang sindiket ini namun mereka tetap mudah

mempercayai janji-janji lelaki biarpun tidak pernah bertentang mata.

Selain Love Scam, antara penipuan yang menjadi lubuk sindiket mencari mangsa terutamanya wanita adalah seperti pembelian dalam talian, *Macau Scam*, *Parcel Scam* dan pinjaman yang tidak wujud.

Malah, dua tahun kebelakangan ini menunjukkan mangsa penipuan pelbagai jenayah dalam talian melibatkan kaum itu lebih tinggi berbanding lelaki.

Tambahan pula, golongan wanita merupakan yang paling ramai menggunakan media sosial di negara ini.

Kes penipuan yang sering menjerumuskan kaum wanita sebagai mangsa di negara ini membabitkan jenayah Love Scam

kebiasaannya bermula dari platform media sosial termasuk Facebook.

Menurut Pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia, Kaunseling (Psikologi), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Norsayyidatina Che Rozubi, isu Love Scam bukanlah perkara baharu dalam masyarakat.

"Scammer bukanlah sesuatu yang baharu dalam masyarakat kita. Semenjak awal 90-an pelbagai penipuan berlaku termasuk skim cepat kaya yang menjanjikan kekayaan

segera.

"Hasil perkembangan teknologi, jenayah scammer semakin licik dan lebih profesional. Golongan yang menjadi scammer menggunakan strategi mudah untuk hidup senang dengan mengambil kesempatan atas kelemahan individu lain.

"Apatah lagi, scammer hari ini sukar dijejak kerana berselindung di sebalik teknologi dan media sosial yang pelbagai," katanya.

Dalam masa yang sama, Norsayyidatina tidak menafikan kebanyakan mangsa

scammer masa kini adalah golongan wanita yang terlalu mudah terpedaya dengan janji-janji manis yang ditabur.

"Love scam adalah jerat cinta yang menjanjikan percintaan yang sempurna seperti yang diimpikan. Kebiasaan golongan wanita mudah terjerat dalam Love Scam kerana segelintir lebih banyak meluangkan masa di media sosial, kurang bergaul di alam realiti, kesunyian serta desakan untuk mendapatkan pasangan hidup.

"Disebabkan itu, Love Scam biasanya bermula dengan perkenalan dalam media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan sebagainya.

"Secara fitrahnya wanita mempunyai sifat perasaan atau emosi yang lebih mudah tersentuh apabila disayangi dan ada yang memberi perhatian yang diharapkan," ujarnya yang turut bimbang isu scammer yang melibatkan wanita.

BERTINDAK BIJAK, JANGAN PERCAYA JANJI DI MEDIA SOSIAL

ENTAH di mana silapnya, walaupun sudah banyak kempen kesedaran tentang scammer, tetapi masih ramai lagi wanita yang terpedaya seolah-olah bagaikan tiada kesadaran.

"Scammer sangat licik. Kebiasaannya modus operandi adalah menyarkan wanita pertengahan



usia seperti 30-an yang kaya atau berpendapatan tetap selain mereka yang tidak mempunyai pasangan atau kesunyian.

"Golongan ini memerlukan individu untuk berkongsi perasaan dan kasih sayang, namun akhirnya dipergunakan untuk mengaut keuntungan serta turut diperas ugut," ujarnya lagi.

Sebagai wanita, Norsayyidatina juga bersimpati terhadap golongan itu dan mengingatkan agar lebih berhati-hati sentiasa.

"Setiap wanita perlu sedar bahawa dalam dunia hari ini, setiap langkah perlu berhati-hati. Penipuan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Cuba luaskan pergaulan dalam alam nyata, ini kerana golongan profesional juga sering menjadi mangsa scammer."

"Wanita juga jangan mudah percaya pada janji cinta terutamanya daripada individu yang dikenali melalui media sosial.

"Selain itu kurangkan perkongsian mengenai kekayaan dan kemewahan dalam media sosial, kerana itu juga strategi golongan scammer itu menyasarkan mangsa/tambahnya lagi. W.K



Tip kenali 'Love Scam'

- Menyamar menggunakan gambar lelaki kakak di media sosial.
- Mengaku duda dan ingin mencari pasangan.
- Mempunyai darah kacukan sama ada ibu atau bapa dari luar negara.
- Berjanji untuk berkahwin.
- Akan datang ke Malaysia untuk berjumpa mangsa dan keluarga.
- Akan menghantar hadiah.
- Mempunyai kerjaya seperti doktor, juruterbang, ahli perniagaan dan sebagainya.
- Memberi pelbagai alasan untuk berjumpa antaranya masih belajar.
- Panggilan romantik dalam masa singkat.



Wanita ditipu sebanyak RM3.9j

MEMETIK laporan daripada Facebook Rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM), seorang wanita tempatan berusia 63 tahun pernah ditipu sebanyak RM3,947,000.

Wanita itu telah membuat laporan polis kerana telah ditipu 'Love Scam' dengan kerugian sebanyak RM3,947,000 di kawasan Timur Laut Pulau Pinang.

Mangsa telah membuat transaksi wang sebanyak 184 kali bank transfer ke 19 akaun bank berjumlah RM9,000 hingga RM50,000 sekali transaksi.

Modus operandi suspek adalah menyamar sebagai pekerja pelantar minyak di negara Korea.

Mereka berkenalan melalui media sosial Instagram berhubung melalui aplikasi WhatsApp dan turut menghantar gambar serta video janji manis.

Mangsa menyedari telah ditipu apabila menjumpai gambar sebenar di Facebook.

Kebiasaannya dalam penipuan Love Scam, penjenayah akan menggunakan

identiti palsu untuk mencari dan mengumpulkan mangsa yang boleh menjadi sasaran mudah terutamanya kepada golongan berikut:

1. Wanita atau lelaki belum berkahwin.
2. Wanita atau lelaki yang kesunyian.
3. Wanita atau lelaki yang lanjut usia dan memerlukan teman hidup.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya berwaspada dan mengelakkan diri dari menjadi mangsa penipuan Love Scam.

Jangan memberikan sebarang informasi berkaitan maklumat peribadi atau kewangan anda kepada kawan dalam dunia maya dan segera melaporkan kepada pihak polis sekiranya ada pihak yang cuba memeras ugut wang dari anda melalui internet.

Sumber: Laman Facebook PDRM Pulau Pinang.

Menghina Nabi tanda tidak bertamadun



DR MOHD SHAHID
MOHD NOH

PENGHINAAN Nabi Muhammad SAW adalah seorang nabi dan rasul terakhir yang diutuskan kepada umat manusia pembawa rahmat dan hidayah kepada kaum yang beriman.

Menjadi satu kewajipan bagi umat Islam untuk mensyukuri nikmat perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai kurniaan yang agung.

Terkini, kita dikejutkan dengan beberapa tindakan segelintir manusia yang melemparkan kata-kata penghinaan kepada Nabi Muhammad SAW. Hakikatnya, perbuatan ini bukanlah perkara baharu sebaliknya ia telah berlaku sejak dahulu lagi. Ternyata kesemua anasir penghinaan tersebut telah pun lenyap sementara sebutan dan ingatan serta kasih sayang umat kepada nabi yang mulia ini kekal mekar dan segar sepanjang zaman. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT di dalam ayat 4 Surah al-Syarh:

Dan Kami telah meninggikan bagimu: sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan)?

Al-Quran Mengancam Penghinaan Terhadap Nabi Allah SWT mengangkat kedudukan NabiNya yang mulia dengan mengarahkan orang beriman untuk mendoakan kesejahteraan dan kerahmatan dikurniakan kepada baginda. Anjuran ini datang selepas Allah SWT dan para malaikat juga melakukan perkara yang sama menerusi ayat 56, Surah al-Ahzab:

Sesungguhnya Allah dan

“ Menurut Michael H. Hart yang mengarang ‘The 100 A Ranking of The Most Influential Persons in History’, nama Nabi Muhammad SAW dinobatkan sebagai manusia yang paling berpengaruh sepanjang sejarah kemanusiaan. Berdakwah selama hampir 23 tahun namun kesan ajarannya kekal dan diamalkan hingga ke hari ini.

malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad S.A.W); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadaNya serta ucapanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. Seterusnya, Allah mengancam mereka yang melakukan kejahanan, maksiat termasuk penghinaan terhadap Allah dan RasulNya:

Sesungguhnya orang-orang yang melakukan perkara yang tidak direndah Allah dan RasulNya, Allah melaknatkan mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina. (Surah al-Ahzab: ayat 57).

Imam al-Tabari menghuraikan bahawa ayat ini diturunkan ke atas mereka yang mengutuk tindakan Nabi Muhammad SAW yang memperisterikan Safiyah binti Huyaiy, seorang wanita bangsawan Yahudi. Sekiranya tindakan sedemikian sahaja sudah cukup untuk mendapat azab dan laksana dari Allah SWT dunia dan akhirat, bagaimana pula dengan tindakan keji mereka yang menghina insan yang paling mulia di sisi Allah SWT. Cukuplah bagi seorang yang beriman dan waras untuk memberikan kehormatan dan adab yang tinggi kepada Rasulullah SAW dengan firman Allah SWT yang

memuji ketinggian akhlak dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW pada ayat Surah al-Qalam ayat 4: *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.*

Balasan Allah terhadap Penghina Nabi Al-Qadi Iyadh al-Maliki (w. 544 H) menceritakan sebuah kisah di dalam kitabnya al-Syifa bi Takrif Huqq al-Mustafa di mana seorang penyair telah dihukum bunuh oleh hakim kerana menghina dan mempersendakan Allah, para nabi dan juga Nabi Muhammad SAW. Seketika jenazahnya diangkat selepas hukuman bunuh tersebut, jasadnya telah berpaling dari kiblat dengan sendirinya lalu disahut dengan laungan takbir oleh orang yang menyaksikan hal tersebut sebagai tanda yang nyata mengenai kekuasaan dan laksana Allah terhadap mereka yang menghina nabi.

Pendapat Ulama Mengenai Penghinaan Terhadap Nabi Muhammad SAW Ulama muslimin telah berimak bahawa orang Islam yang merendahkan dan menghina Nabi wajib dijatuhi hukum bunuh, sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Qadi Iyadh. Ia juga disokong oleh Abu Bakr bin al-Munzir dengan menyandarkan kalam tersebut kepada Malik bin Anas, Laith bin Sa'ad dan Imam Ahmad.

Selanjutnya, para ulama juga bersepakat bahawa mereka yang mendoakan mana nabi dengan perkara yang buruk dan apa-apa yang tidak baik, dia harus dijatuhi hukum bunuh oleh mahkamah tanpa diminta untuk bertaubat. Perkara ini membuktikan bahawa penghinaan terhadap nabi bukanlah perkara kecil sebaliknya ia perkara besar yang amat dipandang serius oleh para ulama.

Walau bagaimanapun, hukuman ini tidak boleh dilaksanakan tanpa peruntukan undang-undang supaya ia tidak mendatangkan fitnah serta mencetuskan huru-hara di dalam masyarakat Kemulian Nabi dan Kehinaan Penghina Nabi.

Satu perkara yang tidak masuk akal apabila seorang manusia menghina manusia lain yang telah meninggal dunia tanpa ada kesalahan yang dilakukan. Bagaimana pula dengan tindakan penghina Nabi sedangkan Nabi Muhammad SAW telah begitu banyak berjasa bukan sahaja kepada umat Islam bahkan kepada dunia seluruhnya.

Menurut Michael H. Hart yang mengarang ‘The 100 A Ranking of The Most Influential Persons in History’, nama Nabi Muhammad SAW dinobatkan sebagai manusia yang paling berpengaruh sepanjang sejarah kemanusiaan. Berdakwah selama hampir 23 tahun namun kesan ajarannya kekal dan diamalkan hingga ke hari ini.

Pengiktirafan ini sudah cukup untuk memberi mesej yang jelas bahawa Nabi Muhammad SAW adalah insan yang mulia dan pembawa rahmat. Justeru, bukanlah satu perkara boleh diterima akal insan semulia ini dihina dan dicera melancong ia datang dari manusia yang hilang

kewaras atau pertimbangan akal untuk berfikir.

TIDAK KENAL MAKAN TIDAK CINTA

KEGAGALAN umat Islam mengenal keperibadian Nabi Muhammad SAW adalah faktor yang membuatkan mereka tidak menghargai dan memberikan penghormatan yang selayaknya kepada nabi akhir zaman ini.

Kewujudan karya-karya yang banyak di dalam perpustakaan umat Islam mengenai keperibadian Nabi Muhammad SAW, kelebihan dan keistimewaan adalah tanda kesungguhan ulama Islam menerapkan kasih sayang dan hormat kepada nabi di kalangan muslim.

Justeru, ibu bapa, pendidik, entiti pendidikan dan kerajaan perlu memainkan peranan di dalam menyemai rasa kasih sayang, kesyukuran, kehormatan dan adab kepada nabi menerusi pelbagai media sosial dan perdana yang wujud kerana ia adalah satu usaha yang selari dengan anjuran Allah SWT kepada kita. Dalam masa yang sama, perbuatan tidak bertamadun terhadap kemuliaan nabi yang kita lihat dan dengar pada hari ini pasti akan dibalas oleh Allah, tuhan yang sentiasa memelihara kehormatan utusanNya yang mulia: *Sesungguhnya Kami tetap memelihara dan mengawalmu dari kejahanan orang-orang yang mengejek-ejek dan mempersendakanmu, -(Surah al-Hijr, ayat 95).*

Penulis merupakan Ketua, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my.

HANAN SOFIA ROSLEE
NUR AFIQAH NAJWA JURYRAZ

PERKAHWINAN bawah umur ini sudah menjadi kebiasaan dan tidak lagi asing dalam masyarakat kita. Tetapi ia adalah sesuatu yang masyarakat kita tidak boleh ambil mudah. Hal ini kerana, perkahwinan bawah umur ini telah merompak peluang kanak-kanak untuk menikmati zaman kanak-kanak mereka dan boleh mengakibatkan kesan jangka panjang yang serius terhadap kehidupan dan kesihatan mereka.

Secara umum, mengikut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan Enakmen Undang-Undang menetapkan had umur minimum perkahwinan orang Islam ialah 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan tetapi Enakmen bagi setiap negeri adalah berbeza bagi menetapkan had umur dengan kebenaran Hakim Syarie.

Bagi orang bukan Islam pula, had umur minimum perkahwinan adalah

Suara Mahasiswa: Punca “kahwin bawah umur” semakin meningkat

umur 18 tahun bagi lelaki dan 16 hingga 17 tahun bagi perempuan dengan kebenaran (lesen) yang diberikan oleh Ketua Menteri mengikut Seksyen 10 Undang-Undang Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) Akta 1976 [Akta 164].

Manakala bagi negeri Sarawak, mereka mengikut Undang-Undang Adat mengikut etnik dan bagi negeri sabah, mereka mengikut Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 iaitu tiada had umur minimum. Tidak lupa juga akan masyarakat Orang Asli yang mengikut Akta Orang Asli 1994 dan juga tiada perundangan ditetapkan. Mereka juga tidak mempunyai had umur minimum.

Menurut statistik daripada UNICEF Malaysia, menunjukkan seramai 1,856 kanak-kanak dibawah umur 18 tahun telah berkahwin pada tahun 2018. Negeri yang mempunyai jumlah tertinggi kanak-kanak Muslim yang berkahwin pada

2018 ialah Sabah iaitu seramai 334 kanak-kanak. Manakala, Pahang ialah negeri yang mempunyai jumlah tertinggi bagi kanak-kanak yang bukan islam iaitu seramai 102 kanak-kanak.

90 peratus kanak-kanak yang berkahwin pada tahun 2018 adalah kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak perempuan lebih terkesan berbanding kanak-kanak lelaki. Hal ini kerana, kanak-kanak perempuan lebih mudah terdedah kepada keganasan rumah tangga dan juga menghadapi komplikasi semasa mengandung dan melahirkan anak.

Selain itu, kadar kematian bayi lebih tinggi bagi ibu remaja kerana mereka mudah mengalami perkembangan emosi dan psikologi yang terganggu.

Persoalannya di sini, mengapa isu perkahwinan bawah umur semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia? Apakah faktor

yang mendorong rakyat untuk menjadikan isu ini sebagai satu tradisi di negara ini? Di dalam Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur yang telah dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2020, terdapat beberapa faktor yang diketengahkan.

Salah satunya ialah pendapatan keluarga yang rendah dan masalah kemiskinan. Hal ini kerana ibu bapa tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung perbelanjaan anak-anak dan mereka merasakan bahawa perkahwinan ini ialah satu cara untuk meringankan beban mereka dan membantu mereka dari segi kewangan.

Pada masa yang sama, stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur juga menjadi faktor terjadinya isu ini. Ibu bapa mahu

membendung dan batas menjaga anak-anak mereka daripada terus melakukan masalah sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, dadah dan sebagainya. Oleh itu, ibu bapa berpendapat bahawa perkahwinan bawah umur ialah jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini sekali gus dapat mengurangkan masalah sosial di kalangan anak-anak mereka.

Konklusinya, pihak ibu bapa perlu mengambil tahu lebih mendalam tentang isu ini dan menitikberatkan faktor-faktor ini supaya isu perkahwinan bawah umur berkurang. Selain itu, pihak kerajaan juga perlulah melunaskam pelan ini supaya isu perkahwinan bawah umur menjadi tumpuan di mata masyarakat pada masa akan datang.

Penulis merupakan mahasiswa tahun akhir Universiti Teknologi Mara (UiTM).

'Aura mistik' pikat hati pengunjung Warung Bunian

FOTO: SYUQQREE
MOHD DAIN
SABRINA SABRE

MENDENGAR sahaja nama Warung Bunian yang terletak di Sungai Merab, Kajang pasti ramai yang terfikir tentang makhluk yang didakwa wujud di alam mistik yang tidak terlihat pada pandangan manusia biasa.

Keunikan hidangan yang terdapat di restoran tersebut antaranya Nasi Lemak Bunian membuatkan ramai pengunjung 'jatuh cinta' sehingga penulis juga turut bertanya-tanya tentang keistimewaan juadah tersebut.

Pemiliknya, **Juliza Adnan**, 31, berkata keistimewaan nasi lemak itu adalah kerana ia mempunyai lauk yang diletakkan di dalam nasi dan disalut bersama telur bungkus di bahagian luarnya.


"Lauk ayam cincang ala rendang yang diletakkan tersorok di dalam nasi membuatkan kami memberikan nama Nasi Lemak Bunian. Dengan serendah RM6, ia boleh didapati pada hari minggu sahaja manakala hari biasa pelanggan boleh dapatkan nasi lemak telur bungkus bersama ayam atau sotong," ujarnya.

Tambahnya lagi, mereka turut menyediakan menu lain untuk sarapan pagi seperti roti jiw� kacau (roti canai dicarik dan digaul bersama telur), roti canai, roti biasa, roti telur dan lain-lain.

"Selepas habis sarapan pagi, pelanggan boleh terus menikmati



JULIZA



ANTARA menu yang ditawarkan di Warung Bunian.



makan tengah hari di sini yang mana set makan tengahari mengetengahkan konsep makan berhidang dengan harga tidak melebihi RM20 seorang," ujar anak bongsu yang mesra disapa Alang ini.

Kongsinya, konsep berhidang menjadi tradisi masyarakat Melayu sejak zaman dahulu dan di Warung Bunian mereka menyediakan menu berlainan pada setiap hari dan yang paling popular adalah gulai ketam masak lemak cili padi.

"Kita ingin pelanggan mengimbau kembali kenangan makan di rumah bersama keluarga tercinta, hadap dan makan sahaja apa yang disediakan di atas meja," tambahnya pelanggan dari luar daerah tidak akan rugi melalui perjalanan jauh semata-mata untuk makan tengah hari.

Bercerita tentang perancangan Warung Bunian, Juliza memberitahu fokus utamanya adalah meningkatkan produktiviti, kualiti

serta servis yang ditawarkan di kedai tersebut dan setakat ini tidak terfikir untuk membuka cawangan di tempat lain.

"Kami tidak bercadang untuk membuka cawangan di tempat lain kerana kami sekeluarga telah bersepakat untuk mengekalkan Warung Bunian hanya di Kajang yang mana ini adalah tapak asalnya penubuhan Warung Bunian," jelasnya.

REZEKI BERGANDA

TERNYATA keunikan nama warung tersebut membawa rezeki buat Juliza sekeluarga apabila gerai tersebut pernah menjadi bualan netizen di televisyen dan media sosial pelanggan mereka bertambah.

"Nama ini digunakan sejak 10 tahun lalu yang mana ia diberikan oleh pelanggan gara-gara kedudukannya yang terlindung oleh bukit sehingga tidak terlihat pada pandangan mata orang ramai yang lalu-lalang.

"Kedudukan gerai ini agak

terperosok. Walaupun demikian, ramai orang sanggup menempuh perjalanan jauh semata-mata untuk menikmati nasi lemak bunian dan juga nasi lemak telur bungkus kedai kami.

"Saya bersyukur kerana warung ini tetap dikunjungi pelanggan dan 'aura bunian' itu terus menarik pelanggan yang ramai setiap hari," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini. **W K**

Warung Bunian

Alamat: Jalan Jamaludin,
Kampung Sungai Merab,
43000 Kajang, Selangor

Waktu Operasi: 7.30 pagi
hingga 2:30 petang

Facebook dan Instagram:
Warung Bunian

No telefon: 017-381 2246
(Juliza)



LCC kerjasama dengan pemain industri

Bangunkan semula ekonomi Labuan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

DEWAN Perniagaan Labuan (LCC) komited dan sedia bekerjasama dengan pihak pemain industri untuk membangunkan semula ekonomi Pulau Bebas Cukai itu menerusi perdagangan pemindahan.

Pengerusinya **Daniel Dought** berkata pihaknya telah mendapat kelulusan untuk mengendali Perdagangan Pemindahan Kapal (*transhipment trade*) di antara Labuan dengan Selatan Filipina dilihat

mampu membantu mengaktifkan semula pertumbuhan ekonomi Labuan.

"LCC bersedia bekerjasama dengan pemain industri yang berkaitan untuk bersama-sama merancakkan semula ekonomi pulau ini.

"Aktiviti perdagangan pemindahan kapal antara Labuan dan Selatan Filipina dijangka membantu Labuan mengaktifkan semula ekonominya yang lembap.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan Senator Datuk Bashir Alias di Menara Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Daniel berharap inisiatif yang dibawa oleh pihaknya menjadi satu titik permulaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi pulau itu selepas terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sementara itu, Bashir menzahirkan ucapan syabas kepada pihak LCC kerana telah berjaya memperolehi kelulusan untuk mengendali Perdagangan Pemindahan Kapal (*transhipment trade*) di antara Labuan dengan Selatan Filipina.

"Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PL akan sentiasa memberikan perhatian dan membantu LCC bagi merancakkan semula ekonomi di Labuan," katanya. **WK**



DANIEL (empat dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada Pengerusi Perbadanan Labuan Senator Datuk Bashir Alias selepas mengadakan kunjungan hormat, baru-baru ini.

Penduduk jayakan gotong-royong ceriakan pusat bandar



SEMUA lapisan masyarakat di pulau ini berganding bahu menjayakan Program Gotong Royong Keceriaan Pusat Bandar Tahun 2022 demi kesejahteraan warga Labuan secara keseluruhannya.

Dianggarkan lebih 200 orang menyertai program itu yang terdiri daripada pemimpin masyarakat, kakitangan kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat.

Pengerusi Perbadanan Labuan, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata pelaksanaan program itu merupakan usaha dalam membendung penularan wabak Denggi yang semakin

BASHIR (dua dari kiri) berkesempatan bersama-sama masyarakat Labuan melakukan kerja-kerja menceriakan bandar Labuan.

meningkat di wilayah ini khususnya di kawasan bandar.

Ujarnya, selain daripada aspek kebersihan dan keceriaan, aspek kesihatan persekitaran juga perlu diutamakan.

"Penganjuran program gotong-royong seperti ini turut menggalakkan aktiviti pembersihan adalah dilaksanakan secara gotong-royong melalui penglibatan dan kerjasama daripada rakan-rakan strategik dan juga orang awam.

"Antara rakan strategik yang turut serta menjayakan program ini adalah seperti agensi-agensi kerajaan, Dewan-Dewan Perniagaan dan juga persatuan," katanya ketika berucap pada Program Gotong-Royong



BASHIR

Keceriaan Pusat Bandar Tahun 2022 di sini, pada Sabtu lalu.

Hadir sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (Perbandaran), Fadzilah Mahmud.

Tambahnya, program itu merupakan Inisiatif Program Mampan Sejahtera di bawah Local Agenda 21 (LA21) bagi Kebersihan dan Keceriaan Bandar Peringkat Labuan.

"Saya turut dimaklumkan bahawa terdapat beberapa aktiviti lain turut diadakan iaitu pameran Kitar Semula, pameran berkenaan Wabak Denggi, Pemeriksaan Kesihatan serta yang paling menarik ialah perkhidmatan kutipan e-waste," tambahnya lagi. **WK**

30 petugas media sertai Program Penyelamatan Di Air anjuran Jabatan Penyiaran

LEBIH 30 peserta mengikuti Program Sinergi LABUANfm "Penyelamatan Di Air" anjuran Jabatan Penyiaran Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di Pulau Rusukan Besar, baru-baru ini.

Program itu melibatkan peserta terdiri daripada media di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk LABUANfm dan NEGERIfm.

Menurut Pengarah Penyiaran Labuan, **Aminah Samsudin Mohd**, pelbagai teknik pertolongan cemas dipelajari dalam bertindak menyelamat secara efektif dan efisien dalam apa jua keadaan.

Selain itu, katanya program itu dilaksanakan bertujuan untuk menunjukkan kecaknaan LABUANfm dalam menyedarkan masyarakat setempat serta meningkatkan sifat ambil peduli tentang kepentingan keselamatan di air.

"Antara pengisian modul lati-



PARA peserta sedang melakukan sesi penyelamatan dalam air dan diawasi oleh petugas bomba bagi menjaga keselamatan peserta.



PARA peserta sedang mempelajari beberapa teknik asas dalam Penyelamatan Dalam Air.

han adalah memberi pendedahan kemahiran asas penyelamatan diri di air serta langkah-langkah keselamatan dan cara menyelamatkan supaya boleh dipraktikkan keti-

ka menghadapi situasi yang tidak diingini.

"Seterusnya dapat mengurangkan kadar kematian akibat daripada kemalangan yang berkaitan dengan

air," katanya kepada pemberita pada Program Sinergi LABUANfm "Penyelamatan Di Air" di Pulau Rusukan, baru-baru ini.

Tambahnya, program

tanggungjawab sosial itu mendapat kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Jabatan Laut Labuan dan Jabatan Perikanan Labuan. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM175

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM175".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 5 OGOS 2022.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 177.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

CARI PERBEZAAN**TEKA SILANG KATA SK175****MELINTANG**

1. Sejenis tumbuhan herba
6. Penuh sesak
7. Terlalu dimanjakan
8. Rumput laut
9. Bayaran di lebuhraya
10. Sukatan panjang
14. Tempat letak Al-Quran
16. Sejenis tumbuhan berbunga

KE BAWAH

1. Sejenis pekerjaan
2. Surat edaran
3. Halangan
4. Batu berbahaya
5. Sembuh daripada sakit
11. Hari minggu
12. Denda
13. Pangsa durian
15. Simbol kimia Lantananum

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK175".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 5 OGOS 2022.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 177.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.





KHAIRUL IDIN

LABUAN merupakan sebuah pulau yang begitu mempesonakan dengan keindahan pantai serta pulau yang menarik minat pelancong untuk singgah antaranya Pantai Layang-Layang, Pulau Rusukan Besar dan sebagainya.

Malah, jika anda memilih untuk bercuti di pulau bebas cukai ini, pastikan anda berada lebih lama untuk mengunjungi tempat-tempat menarik selain menikmati makanan laut segar yang terdapat di sini.

Walau apapun, sebelum pulang jangan lupa untuk singgah sebentar membeli-belah di Pasar Sentral UTC yang menghimpunkan pelbagai jenis cenderamata unik untuk dijadikan kenangan.

Salah satu kedai yang menjadi pilihan penulis adalah Alli Handicraft yang terletak di aras satu, Pasar Sentral. Kedai ini juga mempunyai satu lagi cawangan yang terletak di Ujana Kewangan Labuan.

Di sini terdapat lebih daripada 50 barang cenderamata seperti gelang mutiara, kerongsang, kulit siput, batu permata, kraf tangan comel yang pasti membuatkan anda rambang mata.

Menurut pemiliknya, **Raja Mohd Rozali Mustapha**, 67, barang yang ada di kedai yang diusahakan lebih 30 tahun lalu itu kebanyakannya dibawa masuk dari luar negara seperti China, Indonesia dan Filipina.


"Walaupun kebanyakan barang yang dijual adalah barang import namun saya tetap meletakkan harga mampu milik supaya pelancong dapat memiliki cenderamata yang diinginkan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, harga barang



RAJA MOHD ROZALI MUSTAPHA

Cenderamata serendah RM1, peniaga himpun lebih 2,000 pilihan



LEBIH daripada 50 barang cenderamata seperti gelang mutiara, kerongsang, kulit siput dan banyak lagi dijual di Alli handicraft.

di kedainya itu bermula pada RM1 dan ada yang mencecah RM 2,000 mengikut jenis dan nilai barang itu sendiri.

"Ramai pelancong yang datang berpuas hati dengan harga yang saya tawarkan kerana ia berpatutan malah ada yang membeli dengan kuantiti yang banyak untuk dijual semula di tempat mereka," ujar anak kelahiran Johor Bahru ini.

Bercerita lanjut tentang perniagaannya, dia yang memiliki

pengalaman dalam bidang pemasaran ketika bekerja di sebuah syarikat gergasi di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu mengakui tidak berdepan dengan sebarang masalah promosi.

"Pengalaman banyak mengajar saya mengemudi perniagaan tambah pula ketika membuka perniagaan ini lebih 30 tahun lalu, di Labuan kekurangan kedai menjual cenderamata. Itu juga yang membuat saya lebih dikenali,"

ujarnya lagi.

JUAL RUMAH, BERHENTIKAN PEKERJA

PERNAH berdepan dengan masalah dalam bidang perniagaan, Raja Mohd Rozali berkata pandemik COVID-19 sebelum ini amat menguji ketabahannya sebagai seorang peniaga sama ada ingin meneruskan atau berhenti di tengah jalan.



Alamat:
Alli Handicraft Enterprise, E1, Aras Satu, Pasar Sentral UTC, Labuan / Alli Handicraft Enterprise, F002, Ground Floor, Financial Park Labuan (Ujana Kewangan)

No telefon: **019-812 1857**

"Hampir setahun lebih dua buah kedai saya tidak dapat beroperasi kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pendapatan terjejas teruk dan saya terpaksa menjual sebuah rumah dan memberhentikan salah seorang pekerja untuk menampung segala kos."

"Saya bantu ketika itu namun mujurlah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan memberikan pengecualian sewa kepada peniaga di Pasar Sentral ketika itu. Kami menghargai usaha pihak tersebut," ujarnya sebak.

Setelah keadaan pulih seperti biasa, dia kembali berniaga dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan ketika menjelang perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

"Sepanjang bulan ramadan yang lalu pendapatan perniagaan saya meningkat dan ia membantu saya semula untuk bangkit selepas mengalami kerugian ketika pandemik COVID-19," kongsinya.

WK



ANTARA koleksi cenderamata yang dijual di Kedai Alli Handicraft.

10,000 pokok orkid bakal warnai Floria Diraja Putrajaya



SABRINA SABRE

BERTEMAKAN 'Floria Hebat' penggemar bunga orkid pasti tidak sabar menanti Floria Diraja Putrajaya yang bakal membuka tirainya bermula 29 Ogos hingga 4 September ini bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, festival kali ke-12 itu akan mempamerkan lebih kurang 10,000 pokok orkid selain lebih 400,000 pokok daripada pelbagai spesies dan kultivar bunga-bungaan serta tanaman hiasan yang berwarna-warni.

"Dipamerkan dalam suasana landskap dan taman, Floria Diraja juga memaparkan komponen-komponen baharu yang dijangka akan menarik minat orang ramai yang terdiri daripada pelbagai golongan dan usia.

"Antaranya Taman Keluarga Malaysia, Taman Koboi, Taman Instagramable, Hiasan Dinding



FADLUN (dua dari kanan) ketika gimik Majlis Prapelancaran Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022 baru-baru ini.

Orkid, Terowong Oncidium, Clock Meadow, Taman Glow in the Dark, Taman Bonsai dan Suiseki selain komponen seperti Laman Astaka Diraja dan Floral Sky Walk yang berwajah baharu.

"Sementara pada waktu malam pula, festival ini akan dilimpahi dengan pancaran dan kesan cahaya lampu khas di setiap laluan

utama dan kawasan utama sekitar tapak festival seperti Red Carpet, Oncidium Tunnel, Dendrobium Walk dan Taman Fantasi.

"Selain mempamerkan inovasi teknologi kesenian pencahayaan kreatif pada flora dan fauna, Floria juga menjadi platform kepada pengunjung menikmati keindahan persekitaran festival pada waktu

malam," katanya semasa Majlis Prapelancaran Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022 baru-baru ini.

Tambah beliau, festival kali ini akan diwarnai dengan penyertaan dua agensi korporat dan swasta, tujuh jabatan dan agensi kerajaan, empat persatuan dan pengusaha bunga, 20 buah sekolah rendah dan menengah di Putrajaya, tujuh buah universiti dan Institusi Pengajian Tinggi termasuk lapan penyertaan antarabangsa yang didatangkan khas dari pelbagai negara iaitu China, Indonesia, Jepun, Jerman, Korea, New Zealand, Singapura dan Taiwan.

"Bazar Tanaman dan Pasar Hortikultur turut diadakan bagi jualan keperluan kebun dan tumbuh-tumbuhan seperti pokok hiasan, pokok ulam-ulaman, pokok buah-buahan, pokok bunga berpasu, perabot taman, peralatan taman dan perkhidmatan landskap.

"Di samping itu, Laman Komuniti dan Bazar, Produk Pelancongan dan Laman Seni serta Tethered Hot Air Balloon juga akan menjadi tarikan Floria kepada pengunjung pada tahun ini," ujar

beliau lagi.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang tujuh hari ia berlangsung dan turut dimeriahkan dengan aktiviti lain seperti demonstrasi gubahan bunga, bengkel terrarium, bengkel ukiran bunga dan daun, acara hiburan dan beberapa sesi bual bicara gubahan orkid, bunga dan reka bentuk taman.

"Harga tiket adalah RM15 buat warganegara manakala bukan warganegara ditetapkan sehingga RM100 mengikut lapisan umur," ujarnya.

Terdahulu, festival tahunan itu merupakan anjuran PPj dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya ke-25 tahun dan Sambutan Hari Kebangsaan ke-65.

Turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. **WK**

105 pelajar B40 sertai tuisyen percuma di Putrajaya



DIANA AMIR

TIDAK mahu anak-anak Putrajaya tercicir daripada mendapat pendidikan yang sempurna, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan sebuah program tuisyen percuma buat golongan berpendapatan rendah (B40) di Putrajaya.

Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata penganjuran Program Tuition Mission B40 adalah bertujuan memberi akses pendidikan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan khususnya buat mereka yang bakal menghadapi Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

"Tuisyen percuma ini yang menyasarkan para pelajar dari isi rumah golongan B40 di Putrajaya bertujuan memberi akses kepada para pelajar untuk mendapatkan kemudahan pendidikan yang baik.

"Selain itu, objektif tuisyen itu juga bagi meningkatkan potensi diri para peserta ke arah kecemerlangan yang holistik," jelas beliau program tersebut turut mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP).

Fadlun berkata penganjuran pada tahun 2021 yang lalu mendapat penyertaan



SEBAHAGIAN pelajar dan guru yang terlibat dalam program tuisyen percuma anjuran PPj.

menggalakkan daripada para pelajar dan momentum tersebut diteruskan ke tahun ini.

"Pada tahun 2021, program ini mendapat penyertaan menggalakkan dan seramai 95.8 peratus telah layak menerima sijil SPM sementara bagi tahun 2022 pula seramai 105 pelajar dari sembilan buah sekolah menengah di Putrajaya telah menyertai program ini," ujar beliau.

Tambah Fadlun seramai 20 barisan tenaga pengajar yang terdiri daripada guru berpengalaman akan membantu para pelajar sepanjang program berlangsung merangkumi empat subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

"Para pelajar akan menyertai sesi ice breaking terlebih dahulu dan diikuti sesi ceramah motivasi dalam usaha meningkatkan keyakinan diri mereka," kata beliau kelas tuisyen tersebut telah bermula pada 30 Julai lalu dan akan diteruskan sehingga 18 Disember 2022.

Mengulas berkenaan kaedah pelaksanaannya, Fadlun berkata ia diadakan secara fizikal bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9, 11, 16 dan juga Kompleks PPj mengikut kumpulan yang telah ditentukan.

Dalam pada itu, beliau turut mengharapkan inisiatif penganjuran program tersebut dapat membantu pelajar B40 dalam melakukan persiapan bagi menghadapi peperiksaan SPM tahun ini. **WK**



30 surau di Putrajaya terima bantuan makam

PENGARAH Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Rosli Abdul Talib (tengah) menyampaikan sumbangan kepada wakil Surau Munawwarah Presint 5, Putrajaya.

BANTUAN. Bagi meringankan beban warga Putrajaya akibat kenaikan kos raya hidup, Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil menyampaikan sumbangan bantuan bakul makanan kepada 30 surau komuniti di sekitar Putrajaya, baru-baru ini.

Setiap surau menerima bantuan bernilai RM600 berupa beras, minyak masak, biskut, milo, sardin, gula kasar, susu tin, teh, bihun termasuk sabun pencuci pakaian.

Barangan tersebut ditempatkan di ruangan

sudut infaq surau masing-masing untuk dimanfaatkan kepada komuniti Putrajaya yang memerlukan.

Sebagai rekod, sudut infaq diwujudkan oleh PPj sejak tahun 2018 dan turut mengadakan Program Minggu Infaq Putrajaya pada bulan Ramadan lalu untuk membantu mereka yang memerlukan.

Ia merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh PPj dengan mengumpul dana-dana dan barang keperluan harian daripada orang ramai untuk disalurkan ke sudut tersebut.

Jadikan SUKMA landasan ke peringkat kebangsaan

Shamine sedia pamer aksi terbaik

SABRINA SABRE

LEBIH tujuh tahun berkecimpung dalam arena sukan membuatkan atlet Wilayah Persekutuan, Nur Shamine Azureen Mohammed Badusha semakin matang dalam menentukan arah tuju kejayaannya dalam sukan hoki.

Tidak mahu mensia-siakan masa yang ada, atlet muda berusia 17 tahun ini nekad memperkenalkan aksi terbaik dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur September ini.

"Kejohanan ini merupakan antara penilaian yang akan membantu atlet melayakkan diri ke dalam pasukan kebangsaan. Disebabkan itu, saya perlu mempersiapkan diri untuk melakukan yang terbaik," katanya kepada *Wilayahku*.

Bagi atlet muda ini, semangat berpasukan adalah hal yang paling penting dan memerlukan



kerjasama daripada semua pemain dalam pasukan sekiranya ingin memenangi sebuah kejohanan.

"Tanpa keserasian antara satu sama lain maka tidak mustahil wujudnya kelemahan dalam menentang lawan. Itulah prinsip yang dipegang oleh saya," ujar pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Titiwangsa ini.

Tambahnya, nilai semangat berpasukan merupakan suatu yang sangat bernilai dan sukar untuk dicari malah perlu dipupuk sedari awal untuk mewujudkan persefahaman dalam kalangan pemain.

"Bagi saya, ahli kumpulan perlu mencuri masa berkualiti bersama biarpun sekejap. Misalnya kami akan selalu meluangkan masa keluar bersama-sama selain berjumpa semasa sesi latihan."

"Jika ada di antara ahli yang mempunyai masalah, kami sebagai rakan sepasukan akan cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut

Pencapaian Shamine Azureen

2022 – TNB Malaysian Hockey League – Tempat ke-4

2019 – FHE CUP Perth, Australia – Naib Johan

2019 – Kejohanan Hoki Bawah 16 tahun Kebangsaan – Johan

2019 – Kejohanan Hoki Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) – Naib Johan

"Pada pandangan peribadi, saya sangat mengagumi kehebatan rentak permainannya. Sukan hoki ini nampak macam mudah namun

percayalah tanpa kekuatan mental, seseorang pemain tersebut tidak mampu beraksi dengan cemerlang," ujarnya. **WK**

NUR SHAMINE
merupakan salah
seorang atlet hoki yang
lincah di padang.



YWP sasar lima pingat, kedudukan lima teratas di PESAYA Sarawak 2022

DIANA AMIR

SETELAH setahun penganjurannya ditunda akibat pandemik COVID-19, Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) kali ke-14 akan kembali diadakan pada 3 November hingga 13 November ini bertempat di Sarawak.

Pengerusi Jawatankuasa PESAYA, Mohd Farhan Azhari berkata Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyasarkan sekurang-kurangnya lima pingat daripada 10 acara sukan yang dipertandingkan pada kali ini.

"PESAYA merupakan acara dwitahunan namun ia tidak dapat diadakan pada tahun lalu berikutan pandemik. Jadi, kali ini kita meletakkan sasaran sebanyak lima pingat dengan sekurang-kurangnya lima pingat perak.

"Antara sukan yang menjadi sasaran pingat adalah boling, bola jaring, e-sport, dart dan badminton manakala bagi acara lain diharapkan dapat memberi saungan yang sengit sehingga ke peringkat suku akhir," katanya yang menyasarkan YWP di kedudukan lima teratas secara keseluruhan.

Mengulas lanjut tentang PESAYA, Farhan berkata terdapat empat yayasan yang dijangkakan bakal memberi saungan sengit berdasarkan edisi pada tahun sebelum ini.

"Ada empat yayasan yang bakal memberi saungan sengit iaitu Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak di mana atlet-atlet yang dihantar berkebolehan dalam setiap acara sukan dipertandingkan," jelasnya.



PRA latihan PESAYA Sarawak 2022 yang diadakan di Sky Arena Sports Complex, baru-baru ini.

Berkongsi berkenaan persediaan YWP bagi menghadapi PESAYA, Farhan berkata ketika ini proses pemilihan atlet masih dijalankan.

"Kita masih lagi dalam proses pemilihan atlet bagi sesetengah acara sukan memandangkan kali ini YWP mempunyai peserta yang agak ramai berbanding edisi lalu jadi tapisan atlet perlu dilakukan telebih dahulu bagi setiap acara."

"Bermula bulan Ogos ini, latihan secara mingguan akan dimulakan dan pada pertengahan bulan, dijangkakan kita akan menerima senarai penuh nama-nama atlet untuk setiap acara," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya terdapat beberapa kelainan yang ditampilkan YWP pada PESAYA kali ini iaitu dengan

penyertaan peserta teramai salain turut melibatkan kerjasama bersama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

"Kita boleh menghantar kontinen dengan kekuatan seramai 70 peserta. Selain itu, kerjasama antara MSWP adalah dari segi sesi latihan bersama atlet-atlet Wilayah Persekutuan dan juga rakan sepelatih melibatkan beberapa jenis sukan yang terpilih," katanya.

Anjuran PESAYA ke-14 ini akan dikelolakan oleh Yayasan Sarawak dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Sarawak dan sebanyak 10 acara sukan yang akan dipertandingkan seperti dart, karom, petanque, boling, badminton, bola tampar, futsal, bola jaring, e-sport dan golf. **WK**

Elak tekanan, Dhabitah tidak mahu fikir sangat soal podium

PENERJUN negara Nur Dhabitah Sabri mungkin antara harapan penyumbang pingat kepada Malaysia pada Sukan Komanwel Birmingham 2022, namun dia tidak 'berani' terlalu memikirkan untuk melangkah ke podium di Pusat Akuatik Sandwell yang serba baharu di sini.

Bagaimanapun Nur

Dhabitah percaya rakan sepasukannya telah berlatih tanpa jemu dalam usaha mencapai sasaran satu pingat emas yang ditetapkan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bagi kem terjun negara di sini.

"Sama ada dapat atau tidak, itu belakang cerita, saya tahu rakan sepasukan saya telah berlatih dengan bersungguh-sungguh dan kini tiba masanya untuk kami beraksi," katanya.

Selain kem terjun, MOM telah menetapkan sasaran emas untuk badminton, boling padang, powerlifting, gimnastik berorama dan angkat berat.

Kontinen negara akan diwakili 162 individu membabitkan 104 atlet, 44 pegawai dan 13 petugas.

Sukan Komanwel 2022 bermula Khamis lalu hingga 8 Ogos, dengan kira-kira 6,500 atlet dari 72 negara dan wilayah dijangka mengambil bahagian pada edisi kali ini. **- BERNAMA**



Shamine
sedia pamer
aksiterbaik
►23

Jualan ayam RM8.50 di Putrajaya Ogos ini

SABRINA SABRE

WARGA Putrajaya bakal berpeluang menikmati harga ayam pada kadar lebih murah iaitu RM8.50 sekilogram bermula 1 Ogos ini melalui Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah di semua pasar awam di Putrajaya.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** memaklumkan bermula 1 Ogos, harga ayam akan diturunkan kepada RM8.50 dan ia merupakan harga termurah.

“Saya ingin mengajak orang awam datang beramai-ramai ke sini kerana kita juga akan mewujudkan sebuah pusat penyembelihan ayam di Presint 20 bagi membolehkan ayam disembelih di Putrajaya,” katanya kepada pemberita ketika Majlis Prapelancaran Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022 di Anjung Floria Presint 4, Putrajaya baru-baru ini.

Jelasnya, pusat penyembelihan itu diwujudkan di kawasan berkenaan berikutnya sudah ada gudang-gudang yang dikhaskan bagi pelaksanaan tersebut.

Tambahnya, Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah telah dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Labuan pada 14 Julai lepas dengan menawarkan barang keperluan asas dan makanan kering secara terus daripada pembekal ke kawasan perumahan, manakala di Labuan, program itu dilaksana melalui peruncit yang dikenal pasti Perbadanan Labuan



SHAHIDAN (tiga dari kiri) ketika gimik Majlis Prapelancaran Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022 di Anjung Floria Presint 4, Putrajaya baru-baru ini.

(PL).

Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Dalam pada itu, Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022 kali ke-12 akan mempamerkan lebih daripada 400,000 pokok daripada pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan seumpama suatu hamparan bunga-bunga yang berwarna-warni dan begitu menarik di

dalam suasana landskap dan taman.

“Kami menyasarkan 500,000 pengunjung berbanding 150,000 pada 2019 untuk menghadiri festival kali ini bermula 29 Ogos.

“Saya yakin festival ini mampu mengembalikan keceriaan kepada masyarakat yang merindui warna-warni Floria selama dua tahun disebabkan pandemik,” ujarnya.

Festival tahunan itu merupakan anjuran Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya ke-25 tahun dan Sambutan Hari Kebangsaan ke-65. WK

Penduduk Labuan paling bahagia di Malaysia

LAPORAN skor Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021 yang dijalankan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.29 atau di tahap sangat bahagia.

Ketua Perangkawan, **Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin** berkata turut tersenarai dalam tahap sama bagi tinjauan yang pertama kali dilaksanakan itu adalah Kuala Lumpur (7.77), Putrajaya (7.28), Terengganu (7.20), Kelantan (7.02) dan Perlis (6.96).

Menurutnya, dua negeri pula didapati mencatatkan skor sederhana bahagia iaitu Melaka (5.85) serta Selangor (5.74).

“MHI dibangunkan untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat negara ini dari aspek fizikal, emosi dan spiritual. Di Labuan semua komponen yang dinilai berada di tahap sangat bahagia dan paling tinggi dicatatkan dalam komponen penggunaan masa iaitu skornya mencecah 9.93. Boleh dikatakan jumlah skor yang dicapai itu adalah sempurna kerana skor tertinggi yang diletakkan adalah 10.

“Bagi komponen lain, keluarga pada paras 9.91, diikuti amalan kerohanian (9.83), keselamatan awam (9.74), kemudahan komunikasi (9.64), perumahan dan alam sekitar (9.61), persekitaran kerja (9.50), kesihatan (9.49), penyertaan sosial (9.34), kebudayaan (9.18), pendapatan (8.96) dan pendidikan (8.01).

“Hanya komponen pengalaman emosi berada di tahap bahagia iaitu 7.58,” katanya. WK

Ilmu komunikasi dan elektronik lebih diperlukan ketika ini

DEEL ANJER

PUSAT peningkatan akademik dan pakar dalam membantu pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), PTTI terus konsisten dalam misi memberi manfaat kepada orang lain terutama pelajar untuk kualiti pendidikan negara yang lebih baik.

Malah selepas enam tahun, PTTI terus sinonim dengan calon SPM yang menjadikan pusat ilmiah ini sebagai alternatif terbaik dalam mendapatkan keputusan cemerlang demi masa hadapan.

Menghargai sokongan berterusan yang diberikan, PTTI turut meraikan kecemerlangan 335 pelajar pada Majlis Anugerah Cemerlang SPM 2021.

Dalam majlis yang sama, pelajar dan tetamu juga turut berpeluang menyertai Wacana Halatuju Sistem Pendidikan dan Pembelajaran Dalam Talian

Negara yang menampilkan ahli panel, negarawan terulung, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata sistem pendidikan negara perlu segera diubah seiring dengan perubahan iklim dunia yang tertumpu kepada dunia teknologi.

“Saya berpendapat bahawa (sebelum ini) sistem pendidikan atau pelajaran hendaklah menyediakan pelajar yang berkebolehan (semata-mata) untuk masa depan mereka.

“Tetapi masa depan (kini) berbeza dari dahulu, sekarang ilmu berkenaan komunikasi dan segala bidang elektronik lebih diperlukan di mana (ketika ini) kita boleh berhubung tanpa tali (melalui teknologi) di seluruh dunia.

“Jadi pelajaran hendaklah sesuai dengan iklim di sekeliling



TUN M (dua dari kiri) ketika meraikan Majlis Anugerah Cemerlang SPM 2021 baru-baru ini.

dan sebab itu sistem pembelajaran perlu ditukar mengikut aliran masa.

“Apabila masa bertukar,

Pendidikan dan Pembelajaran Dalam Talian Negara 2021 PTTI.

Selain itu, artis popular Iman Troye dan MK K-Clique turut hadir memeriahkan program tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PTTI, Siti Farhana Abu Osman, anugerah yang disampaikan bukan sahaja kepada pelajar yang mendapat keputusan baik tetapi turut menghargai usaha keras setiap daripada mereka.

“Kami menilai bukan sekadar di atas kertas keputusan tetapi kecemerlangan juga harus dinilai melalui usaha yang ditunjukkan pelajar-pelajar ini,” ujarnya yang berbesar hati dengan pembabitan Iman Troye dan MK K-Clique membantu mempromosikan Program Malaysia Bangkit Belajar yang sekali gus mencapai impak yang lebih baik. WK